

# SANJUDERA



WADAH MENGEMBANGKAN MINDA THE NAVY PEOPLE

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA ROYAL MALAYSIA NAVY BIL.2/2013 ISN 0127-6700

**EDISI  
HARI  
PAHLAWAN**



**KONFRONTASI  
MENYUSURI SEJARAH  
CEMERLANG TLDM**

**MALAYSIA-AMERIKA  
GABUNG KEMAHIRAN**

**KD DUYONG  
PASUKAN SELAM ELIT**

Pemimpin  
kontemporari  
keperluan masa kini

RMN *ensign*  
*flying high*  
at USNA

Catatan kenangan  
BAKAT Laut  
di bumi Turki

Media baharu  
dimensi peperangan  
masa kini

Setiap amalan  
mesti ikhlas

m/s 15

m/s 20

m/s 32

m/s 38

m/s 46



MTU SERVICES (MALAYSIA) SDN BHD

## ENERGY GENERATING SOLUTIONS

DESIGNING . RE-ENGINEERING . MANUFACTURING . TESTING . COMMISSIONING

MSM, a specialist packager of diesel generator sets and systems for both industrial and marine applications. Our strength is in the design, re-engineering, manufacturing, testing and commissioning of customised power generation systems.

### Quality Management System:

Complies with the ISO 9001:2008 "Design, Fabricate, Assembly, Installation, Testing, Commissioning, Supply and Servicing of Power Generating Set and Control System" standards.

### Design & Engineering:

- Vast experience in the design and engineering of power generation systems
- Full documentation and drawings for all our products and systems

## SPECIALIST PACKAGER OF DIESEL GENERATOR SETS AND SYSTEMS



Contact us:

### MTU Services (Malaysia) Sdn Bhd

Lot 65, Jalan Industri 2/5, Taman Industri Integrasi Rawang,  
48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan

Tel: (603) 6099 6764 Fax: (603) 6099 6767

Email: [marketing@msm.net.my](mailto:marketing@msm.net.my) | Website: [www.msm.net.my](http://www.msm.net.my)

DARI MEJA

# Ketua Editor



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan izinNya, maka edisi kedua Majalah SAMUDERA tahun 2013 berjaya diterbitkan. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan ke-56 dan selamat menyambut Hari ATM ke-80. Saya berharap dan berdoa agar sambutan tahun ini lebih bermakna dari tahun-tahun sebelumnya dengan sokongan the *Navy People* yang lebih berinovatif.

Keluaran kali ini memaparkan transformasi yang dilakukan oleh Sidang Redaksi untuk menepati tuntutan tema Hari TLDM ke-79 'Warga Berinovasi Menjana Transformasi' untuk terus seiring dalam pembangunan bagi mencapai Misi dan Visi TLDM serta pelaksanaan PS1320.

Edisi kedua kali ini dimuatkan dengan pengurniaan pangkat Laksamana Pertama Kehormat kepada Tenku Mahkota Kelantan, Yang Amat Mulia Dr Tengku Muhammad Fa-lz Ibni Tuanku Ismail Petra. Baginda telah berkenan menjalani Program Pengenaln Khas TLDM oleh Markas Pendidikan dan Latihan (MPL) TLDM. TLDM terus menunjukkan tahap kesiagaan yang tinggi dengan kejayaan ekksesais-ekksesais hasil kerjasama antara dua hala dan serantau. Antara ekksesais yang telah dilaksanakan dengan jayanya seperti Eks BELANGKAS, Eks JERUNG EMAS, Eks CARAT '13 serta *Combined Maritime Forces* (CMF). Keluaran ini juga turut memaparkan jasa para pejuang lepas tidak dilupakan dalam Konfrontasi Indonesia-Malaysia bagi memastikan kedaulatan negara terus terpelihara.

Saya percaya dengan transformasi yang dilakukan Sidang Redaksi ini dapat menyalurkan segala maklumat-maklumat eksklusif seterusnya membuka minda masyarakat umum mengenai kesiapsiagaan TLDM secara khusus. Namun begitu, pandangan dari pembaca amat dialu-alukan bagi memantapkan lagi kualiti penerbitan Majalah SAMUDERA edisi akan datang.

Sekian, Salam Hormat daripada Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA.

SEDIA BERKORBAN

# SAMUDERA

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG/ PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Seri Panglima  
Haji Mohammed Noordin bin Ali

### KETUA EDITOR

Laksamana Muda Dato' Abdul Ghani Othman

### EDITOR

Kept Shamsuddin bin Haji Ludin TLDM  
Kdr Muhammad Haziq bin Abdullah TLDM  
Lt Kdr Ahmad Redhuan bin Osman TLDM  
Lt Kdr Karimah binti Awi TLDM  
Lt Kdr Rahimah binti Taib TLDM  
Lt Iliyas bin Idris TLDM  
Lt Siti Salina binti Johari TLDM  
Lt Rafie Pasqual bin Abdullah TLDM  
PKK Siti Fatimah bt Muhammad Ali

### PENASIHAT KREATIF dan REKA BENTUK

Lt Mohd Shahril bin Abdul Ghani TLDM

### PENGEDARAN

BK PBK (I) Mohd Rizalman bin Amin



Yang Amat Mulia  
Laksamana Pertama  
Kehormat Dr Tengku  
Muhammad Fa-lz Ibni  
Tuanku Ismail Petra,  
Tengku Mahkota  
Kelantan di kokpit  
pesawat Super Lynx.

Foto muka hadapan

SAMUDERA diterbitkan sebanyak tiga kali oleh Markas Tentera Laut dan didedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang berorientasikan pertahanan daripada seluruh warga the *Navy People* dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Sidang Redaksi Majalah SAMUDERA  
Bahagian Rancang dan Operasi  
Markas Tentera Laut  
Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR

Tel : 03-26713218/ 3072/ 3074/ 3187  
Faks : 03-26981680/ 26927677



# KANDUNGAN

## Ex-BELANGKAS 27/2013

- 3** Konfrontasi-Menyusuri Sejarah Cemerlang TLDM
- 6** Ekseksai BELANGKAS 27/2013 - Memperkasa kerjasama TLDM dan TDM
- 10** Ekseksai JERUNG EMAS Siri 58/13
- 12** Tentera Laut Diraja Malaysia di *Combined Maritime Forces*
- 15** Pemimpin Kontemporari - Keperluan Masa Kini
- 20** RMN *Ensign Flying High at USNA*
- 22** Malaysia - Amerika Gabung Kemahiran
- 24** Srikandi TLDM
- 32** Catatan Kenangan - BAKAT Laut di bumi Turki
- 34** Sumbangan ikhlas setulus hati menjelang Aidilfitri
- 38** Media Baharu - dimensi peperangan masa kini
- 41** Tengku Mahkota Kelantan di Lumut
- 42** Jihad Ramadhan di samudera raya
- 44** Pasukan Lumba Basikal TLDM lahirkan atlet bertaraf dunia
- 48** KD DUYONG - Pasukan selam elit
- 48** Cerpen - Selagi ada waktu...



**6**



**15**



**48**



**32**



**54**



**KONFRONTASI**  
**MENYUSURI SEJARAH**  
**CEMERLANG TLDM**

Tragedi di Kalabakan iaitu kira-kira 50 kilometer dari Tawau, Sabah pada 29 September 1963 merupakan suatu peristiwa yang sedih buat negara. Buat pertama kalinya Tentera Nasional Indonesia (TNI) melancarkan serangan bersenjata sejak konfrontasi terhadap Malaysia diumumkan pada 20 Januari 1963 oleh Menteri Luar Indonesia, Dr Subandrijo. Serangan yang dilakukan oleh kira-kira 40 orang anggota Pasukan Kor Komando Operasi (KKO) TNI telah menyasarkan anggota tentera dari Kompeni C dari Rejimen Ketiga Askar Melayu Diraja. Insiden ini telah mengakibatkan Sembilan orang anggota termasuk seorang pegawai terkorban manakala 19 orang lagi anggota cedera.




KD SRI SELANGOR sebaik sahaja merapat di jeti. Kelihatan kesan tembakan pada cermin di sisi kapal.

**P**encerobohan anggota TNI yang pada awalnya di sempadan Sabah dan Sarawak telah mula merebak di Johor dan Singapura. Ianya bermula dengan pendaratan seramai 108 orang anggota TNI di Kukup dan Benut dalam daerah Pontian, Johor pada 17 Ogos 1964. Mereka terdiri dari 24 orang anggota marin dari Pasukan KKO dan 55 orang anggota dari Pasukan Gerak Cepat TNI-AU. Penyusupan ini turut disertai oleh 33 orang rakyat Malaysia berketurunan Cina yang telah dilatih di Indonesia.

Berselang beberapa hari iaitu pada 1 dan 2 September 1964, seramai 96 orang lagi anggota TNI telah menyusup di Labis, Johor. Perdana Menteri Malaysia iaitu Tunku Abdul Rahman telah mengisytiharkan darurat di seluruh negara pada 4 September 1964 ekoran dari pencerobohan anggota TNI ke wilayah-wilayah Malaysia semakin meluas. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah berjaya menawan dan membunuh beberapa orang anggota TNI yang mencerooboh semasa darurat ini.

Tujuan utama pendaratan dan penyusupan anggota TNI ini ialah untuk menubuhkan seberapa banyak pangkalan serta mengumpul tenaga-tenaga tempatan. Ianya sekaligus menubuhkan Tentera Nasional Republik Malaya dan menolong rakyat membebaskan Malaysia dari cengkaman British. Kenyataan ini adalah berpandukan kepada risalah-risalah dan peta yang telah dirampas dari tawanan.



Surat penghargaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra kepada KD SRI SELANGOR.



Ganyang Malaysia antara sentimen yang dimainkan oleh Indonesia dalam usaha menggagalkan pembentukan Malaysia.

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah berjaya mengawal perairan negara dan membantu Pasukan Tentera Darat dalam gerakan mereka sepanjang konfrontasi. TLDM telah berjaya menambah bilangan kapal-kapal untuk tujuan operasi di perairan negara dan juga membuat pengambilan anggota-anggota baru. Kerajaan Malaysia menempah sebanyak 10 buah kapal ronda yang dibina di England.

Sehingga akhir tahun 1963, sebanyak 6 buah kapal ronda Kelas Kedah telah diterima dan dilibatkan dalam gerakan menentang pencerobohan anggota TNI. Kapal-kapal tersebut ialah KD SRI KEDAH, KD SRI SELANGOR, KD SRI PERAK, KD SRI PAHANG, KD SRI KELANTAN dan KD SRI TRENGGANU. Selain itu, kerjasama operasi dengan pasukan-pasukan tentera laut asing seperti Britain, Australia dan New Zealand sedikit sebanyak telah dapat meringankan beban TLDM.

Satu peristiwa yang menggemparkan berlaku pada malam 24 Julai 1964 apabila KD SRI SELANGOR telah diserang oleh sekumpulan anggota TNI. Kejadian tersebut berlaku berhampiran Pulau St Johns kira-kira 5 batu nautika dari Singapura. Ketika kejadian, KD SRI SELANGOR yang berlepas dari Telok Ayer Basin pada petang tersebut sedang membuat rondaan rutin di perairan Malaysia. Pegawai Awasan pada waktu tersebut adalah Juragan iaitu *Petty Officer Stoker Mechanic (POSM)* Khalid Sulong yang bertugas dalam Awasan Pertama (First Watch).

Setelah menahan dan menambat dua buah bot kecil barter traders di Lambung Kanan (Starboard) KD SRI SELANGOR, skrin radar kapal telah mengesan satu objek yang sedang bergerak pantas dari kawasan perairan Indonesia dipercayai

dari Kepulauan Riau menuju ke arah kanan KD SRI SELANGOR. Dalam jarak 15 ela, bot yang menggunakan enjin sangkut tersebut dikenalpasti membawa lima anggota TNI berdasarkan pakaian seragam yang dipakai dan senjata automatik yang dipegang.

Pegawai Memerintah KD SRI SELANGOR iaitu Letenan P.K. Nettur TLDM telah mengarahkan anak-anak

kapalnya bersiap sedia menghadapi situasi yang tidak terjangka. KD SRI SELANGOR telah mengarahkan supaya anggota TNI yang berada di dalam bot tersebut untuk menyerah namun mereka enggan dan berteriak menyebut "KKO" yang bermaksud mereka adalah dari Kor Komando Operasi yang seharusnya ditakuti. Anggota KKO tersebut membuat pusingan mengelilingi KD SRI SELANGOR tanpa menunjukkan rasa takut dan gentar.

Ternyata tindakan provokasi ini telah mencabar kesabaran anak-anak kapal. Lantas, apabila bot tersebut berhenti dan berlegar di *Port Quarter*, Pegawai Memerintah telah mengarahkan *Able Electrical Mechanic (ABEM)* Abdul Samad menghalakan suluhan lampu *search light* ke atas bot KKO. Suluhan lampu *search light* itu telah disambut dengan tembakan senjata oleh KKO. Tembakan tersebut telah membunuh ABEM Abdul Samad Suliman manakala mereka yang cedera adalah LRRG Kweh Onn Cheong yang terkena serpihan peluru di peha kanan dan Pegawai Kadet Kanan Musa Jabar terkena peluru yang melantun di bawah Collar Bone. Pegawai Kadet Kanan Bolt RN dari HMS ARK ROYAL yang menyertai KD SRI SELANGOR beberapa jam sebelum insiden turut tercedera apabila peha beliau ditembusi peluru.



KD SRI SELANGOR ketika operasi

# EKS - BELANGKAS


## MEMPERKASA KERJASAMA TLDM DAN TDM

**E**ks BELANGKAS merupakan ekse-sais utama yang menggabungkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Darat Malaysia (TDM). Ekse-sais ini dilaksanakan secara tahunan yang akan dihoskan secara bergilir di antara TLDM dan TDM. Siri Eks BELANGKAS pada tahun ini mengkhususkan kepada pelaksanaan latihan bagi Operasi Amfibi yang melibatkan keupayaan trup mem-buat penyusupan melalui pendaratan di pantai seterusnya membuat serangan ke atas musuh. Ekse-sais ini juga mer-upakan persiapan kepada komponen da-rat dan maritim ATM bagi Eks MEKAR dan PENYU TRIDENT dalam siri Eks CARAT 2013.

Eks BELANGKAS siri yang ke-27 ini telah dianjurkan oleh TDM mulai 6

hingga 17 Mei 13 dengan penglibatan lebih 500 orang pegawai dan anggota TDM dan TLDM dari Markas 10 Briged (Para), 8 Rejimen Renjer Diraja (Para), 10 Skn Rejimen Askar Jurutera Diraja (Para), 1 Rejimen Artileri Diraja (Para), Skn Armor (Para), 11 Rejimen Gerak Khas, 10 Skn Rejimen Semboyan Diraja (Para) dan 9 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) sebagai musuh. Manakala penglibatan aset TLDM terdiri daripada KD MAHAWANGSA, KD DUYONG dan KD PANGLIMA HITAM. Ekse-sais ini mensasarkan objektif yang jelas dalam meningkatkan tahap kerjasama di antara TDM dan TLDM di dalam pelaksanaan Operasi Bersama. Objektif yang digariskan seperti berikut:

- a. Menguji persiapan aturgerak trup TDM dan TLDM dalam Operasi Bersama.
- b. Melatih Pemerintah dan Staf di dalam perancangan dan pelaksanaan Operasi Amfibi.
- c. Menguji keberkesanan aspek Komunikasi TDM dan TLDM dalam pelaksanaan Operasi Bersama.
- d. Mengkaji dan penstrukturan semula *Standard Operating Procedures Army - Navy (SOPAN)* yang sedia ada untuk diguna pakai sebagai panduan dalam pelaksanaan ekse-sais.



EKS BELANGKAS meningkatkan kemahiran serta kerjasama antara pasukan TLDM dan TDM. Penggunaan aset seperti KD MAHAWANGSA membuktikan aset tersebut mampu diaturgerak pada bila-bila masa.





# KAS 27 / 2013

Oleh: SOEP  
Foto: SOEP





# KESIAGAAN

Eksesais ini telah dibahagikan kepada tiga fasa iaitu Fasa Mobilisasi/ Pelabuhan, Fasa Laut/Pelayaran dan Fasa Pendaratan Amfibi dan Manuvera Daratan. Upacara pembukaan telah disempurnakan oleh Laksamana Pertama Dato' Chin Yoon Chin, Ketua Staf Markas Armada pada 8 Mei 13 di PUSTAKMAR, Pangkalan TLDM Lumut. Manakala upacara penutup telah disempurnakan oleh Mej Jen Dato' Abd Samad bin Hj Yaakob, Asisten Ketua Staf Operasi dan Latihan Markas Tentera Darat selesai pendaratan di Kampung Teluk Gong, Pengkalan Balak, Melaka pada 16 Mei 13.



Kelancaran mengatugerak sesebuah trup dalam jumlah yang besar memerlukan koordinasi logistik yang tepat.




Tentera Darat Malaysia mengatugerak trup mekanise ketika Eks Belangkas.



Taktik gempur melalui jalan laut memberi kejutan kepada pihak musuh.



Upacara pembukaan oleh 'Laksma Dato' Chin Yoon Chin, Ketua Staf Markas Armada



Sesi ceramah oleh tenaga pengajar dari peserta sesi ceramah JMAM oleh tenaga pengajar dari PESAMA



Sesi ceramah amphibious operation oleh tenaga pengajar dari PESAMA

Fasa pelayaran telah dilaksanakan di perairan Selat Melaka dengan pengisian beberapa aktiviti seperti penembakan senjata kecil, latihan mengawal kebanjiran melawan api (MKMA) dan penembakan meriam. Fasa pendaratan telah dilaksanakan di Kampung Teluk Gong, Pengkalan Balak, Melaka dengan memperlihatkan integrasi komponen ketiga-tiga perkhidmatan

dapat dikoordinasikan dengan baik. Ia merangkumi pengguguran Tim Gerak Gempur dengan pesawat TUDM C130, pelepasan Tim *Fast Rooping* dari PASKAL dan PASKAU menggunakan pesawat Nuri diikuti pendaratan amfibi oleh komponen darat dari KD MAHAWANGSA. Eks BELANGKAS merupakan platform terbaik bagi TDM dan TLDM bagi

menguasai peperangan amfibi baik dari aspek perkongsian pengalaman, pengetahuan serta aset dalam membentuk sebuah angkatan tentera yang mantap lagi kredibel. Usaha ini amat selari dengan konsep integrasi dan *jointness* seperti yang diaspirasikan oleh ATM. Dengan kata lain, ekksesais ini telah mencapai tujuan dan objektif yang telah disasarkan.



Senaman ringan ketika berlayar mengekalkan stamina anggota.

# EKSESAIS JERUNG EMAS SIRI 58/13

Oleh: SOEP  
Foto: SOEP

**E**ksesais Jerung Emas (EJE) adalah siri latihan Melawan Keganasan Maritim di pelantar minyak/gas milik negara. Sehingga kini, 57 siri ekksesais telah dilaksanakan melibatkan pelantar kepunyaan PETRONAS Carigali Sdn Bhd, Esso Production Malaysia Incorporation (EPMI), Sabah Sarawak Shell Berhad (SSSB) dan Shell Sharing Petroleum Contract (SSPC).



EJE 58/13 telah dilaksanakan di pelantar ERB West sebagai platform sasaran bermula 20 hingga 25 Mei 13 terletak 35 batu nautika dari Kota Kinabalu. Ini merupakan kali ketiga ianya dilaksanakan di pelantar yang sama pada tahun 1989 dan 2002. Ekseksais Mini Jerung 57/13 juga telah dilaksanakan di pelantar yang sama di mana tumpuan kepada mengumpulan maklumat data pelantar. Seramai 80 anggota pelbagai pangkat terlibat dalam ekseksais. Objektif utama adalah untuk menguji kesiagaan dan keupayaan Kumpulan Penggempur PASKAL dalam melawan keganasan maritim sesuai dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara No 18 di mana PASKAL merupakan kumpulan penggempur utama.

Aset-aset yang terlibat di dalam siri ekseksais ialah KD PERAK sebagai kapal platform, Kumpulan Penggempur PASKAL dari KD PANGLIMA HITAM dan KD DUYONG sebagai tim EOD. Pelaksanaan ekseksais merangkumi fasa 1 iaitu persiapan dan pergerakan ke kawasan latihan menaiki pesawat TUDM C130 di Ipoh. Seterusnya fasa 2, merangkumi latihan kemahiran kumpulan gempur di Pelantar ERB WEST. Semasa fasa ini Kumpulan Penggempur PASKAL akan melaksanakan latihan menyelam siang dan malam. Di samping itu juga,



Embarisasi peralatan tim ke KD PERAK di PTKK.

latihan 'room entry' dilaksanakan di atas pelantar. Selanjutnya ialah fasa latihan operasi menyelamat diadakan dan melibatkan krew pelantar untuk memberi pendedahan bagaimana mengendalikan orang tawanan. Ianya diadakan di waktu malam bagi memberi kejutan kepada penganas. Semasa latihan akhir, Panglima Armada dapat

meluangkan masa untuk menyaksikan operasi menyelamat ke atas pelantar yang ditawan oleh penganas melibatkan semua warga pelantar dilaksanakan pada waktu malam. Ekseksais pada kali ini dapat dilaksanakan dengan jayanya di mana tiada terdapat sebarang kecederaan dan kehilangan peralatan kepada Kumpulan Penggempur PASKAL. Fasa terakhir ialah fasa pengunduran di mana Kumpulan Penggempur PASKAL dibawa menaiki KD PERAK ke PTKK dan seterusnya diterbangkan balik ke Ipoh.



Keadaan warga pelantar yang dijadikan tebusan.



Pelantar minyak merupakan aset negara yang amat penting.

# TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA di COMBINED MARITIME FORCES

Oleh : Kdr Shahrinan bin Mahmud TLDM  
Foto : Internet

**C**ombined Maritime Forces (CMF) ditubuhkan rentetan dari peristiwa 9/11 pada tahun 2001. Pada mulanya ia dikenali sebagai *Global Counter Terrorism Force - Maritime* (GCTF) yang memfokuskan kepada operasi anti keganasan di laut. Kumpulan Gugus Tugas pertama yang ditubuhkan adalah CTF 150 pada tahun 2002, seterusnya CTF 152 ditubuhkan pada tahun 2004. Kedua-dua Gugus Tugas ini lebih memfokuskan kepada operasi anti keganasan di laut. Di samping itu juga, kedua-dua gugus tugas ini juga melaksanakan operasi keselamatan maritim. Hanya pada bulan Jan 2009, CTF 151 ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan operasi anti pelanunan

di persekitaran Laut Merah, Teluk Aden, Laut Arab dan sebahagian Lautan Hindi. Kawasan operasi CMF menjangkau sehingga 2.5 juta batu persegi. Bagi konteks kerjasama pelbagai hala, CMF juga mengkoordinasi operasi dengan NATO dan juga Angkatan Tentera Laut Eropah (EUNAVFOR) dan boleh dikatakan ketiga-tiga angkatan ini berkongsi kawasan operasi yang sama.

Tujuan kewujudan CMF adalah untuk mempromosikan keselamatan, kestabilan dan keamanan di perairan antarabangsa sekitar Timur Tengah, yang merupakan salah satu laluan perdagangan maritim yang paling sibuk di dunia. Fokus operasi-operasi

CMF adalah melumpuhkan keganasan, menghalang kegiatan pelanunan, menggalakkan kerjasama serantau dan mempromosi persekitaran maritim yang selamat di perairan sekitar negara-negara Teluk.

CMF bukanlah satu pakatan politik atau pakatan pertahanan (pact) seperti NATO atau EUNAVFOR. CMF merupakan sebuah *caveat organization* yang mana tidak terdapat CMF *Coalition Law* atau *Rules of Engagement* (ROE). Setiap aset yang beroperasi di bawah CMF akan mengguna pakai ROE negara masing-masing. Keanggotaan di dalam CMF adalah berdasarkan sukarela (voluntarily). Setiap anggota CMF tidak



dipaksa untuk melaksanakan sesuatu operasi atau mengambil sebarang tindakan yang tidak dipersetujui oleh setiap negara anggota berkaitan. Negara anggota adalah tidak dipaksa untuk menghantar aset atau sumber manusia kepada CMF. Walau bagaimanapun, CMF amat menggalakkan penglibatan aset negara-negara anggota di dalam operasi-operasi CMF. Penghantaran seorang wakil tentera atau *Senior National Representative* (SNR) sudah memadai bagi sesebuah negara anggota menyatakan komitmen terhadap CMF.

TLDM telah menghantar seorang pegawai kanan TLDM berpangkat Kdr TLDM sebagai SNR secara rasmi pada 1 Apr 2012 dan Malaysia menjadi anggota Ke-26 yang menganggotai CMF. SNR Malaysia yang pertama ialah Kdr Wan Alias bin Wan Mamat TLDM yang bertugas mulai 1 Apr hingga 30 Sep 12 diikuti oleh Kdr Ruzman bin Mat TLDM mulai 1 Okt 12 hingga 31 Mac 13. Buat masa ini Kdr Shahrman bin Mahmud TLDM bertugas sebagai SNR Malaysia di CMF yang berpangkalan di United States Naval Forces Central Command, Manama, Bahrain. Setakat ini, 29 negara telah menganggotai CMF dengan Filipina adalah negara terbaru yang menyertai pada 14 Mei 13. Berdasarkan *Terms of Reference* setiap SNR bertindak sebagai penghubung antara tentera laut negara masing-masing dengan CMF, di mana mereka bertanggungjawab dalam menentukan setiap maklumat yang melibatkan CMF dihantar bagi membantu keperluan koordinasi dan bantuan antara kedua-dua pihak. Pertukaran maklumat semasa keselamatan maritim di lapangan adalah merupakan *trend* yang tidak dapat dielakkan dalam era globalisasi kini dan hubungan antara negara saling bergantung juga merupakan aspek penting dalam mencapai *concerted effort*.

Sepanjang setahun lebih penempatan seorang pegawai kanan TLDM sebagai SNR di CMF, ianya telah memberi kesan dan impak yang boleh dilihat dari 2 peringkat iaitu strategik dan operasi. Di peringkat strategik, undangan pihak Amerika Syarikat (USN) dilihat sebagai pengiktirafan ke atas usaha murni Malaysia selama ini dalam memastikan keamanan sejagat dapat dicapai. Penempatan ini telah memberi peluang untuk Malaysia amnya dan TLDM khususnya mengambil bahagian dalam inisiatif keselamatan maritim serantau terutamanya di kawasan rantau Timur Tengah kerana CMF merupakan pusat koordinasi operasi maritim di kawasan Timur Tengah. Rantau Timur Tengah adalah kawasan perdagangan dunia yang strategik. Sejumlah 30 peratus



Formasi kapal-kapal negara terlibat ketika eksekusi.

pengeluaran minyak dunia datang dari rantau ini. Di masa yang sama, terdapat tiga laluan perdagangan laut yang penting (Choke Points) iaitu Terusan Suez, Bab Al Mandeb dan Selat Hormuz yang menghubungkan aktiviti perdagangan antara negara Barat dan Timur dunia. Sebarang impak ke atas kawasan ini samada dari tindakan penganas di *choke points*, aktiviti pelanun dan jenayah perdagangan maritim akan menyebabkan perdagangan dan ekonomi dunia terjejas.

Seterusnya, penempatan SNR di CMF telah dapat mengeratkan hubungan tentera laut antarabangsa dalam kerjasama serantau bagi membanteras aktiviti pelanun. Bendera Malaysia sentiasa berkibar apabila taklimat diberikan kepada *Distinguished Visitor* yang melawat CMF. Ianya secara tidak langsung dilihat sebagai batu loncatan untuk meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa terutamanya di rantau negara Teluk Arab. Di samping itu, kerjasama dan semangat setiakawan yang dapat dijalinan dengan SNR dari negara lain, secara tidak langsung memberi peluang SNR memainkan peranan sebagai *small envoy* kepada negara. Ini kerana segala aktiviti sama ada rasmi atau tidak rasmi dijalankan bersama yang akan mewujudkan persefahaman yang baik di antara SNR dan seterusnya tentera laut masing-masing.

Melihat kepada senario ancaman pelanun terutama di Perairan Teluk Aden (PTA) pada hari ini, penglibatan TLDM untuk sama-sama berganding bahu dengan tentera laut antarabangsa bagi mengatasi ancaman pelanun

di PTA telah memberi kesan yang sangat baik. Tambahan pula, Malaysia mempunyai aset beroperasi di PTA bagi mengiringi kapal-kapal dagang milik negara. Justeru dalam peringkat operasi, kesan yang dapat dilihat daripada penempatan SNR adalah seperti berikut:

- TLDM berpeluang untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini berkaitan operasi anti pelanun dan juga lain-lain operasi bagi kegunaan operasi TLDM di PTA. Perkara ini kerana CMF menyediakan kemudahan saluran perkongsian maklumat mengenai keselamatan maritim serantau dan di lapangan melalui kolaborasi dengan agensi maritim lain termasuk beberapa pusat operasi sedunia. Justeru itu, TLDM dapat meningkatkan *situational awareness* yang menyeluruh dan membantu unit-unit yang terlibat dalam pelaksanaan Operasi FAJAR bagi tindakan pencegahan yang berkesan melalui sumber maklumat yang pantas dan tepat.

- TLDM juga dapat memanfaatkan keupayaan yang ada pada CMF terutama sekali mengambil peluang menggunakan sistem *Combined Enterprise Regional Information Exchanging System* (CENTRIX) dan mengambil maklumat-maklumat berkaitan untuk kegunaan TLDM.

- TLDM dapat menyelesaikan permasalahan atau isu (*tactical deconfliction*) pada peringkat operasi dan taktikal, secara terus tanpa perlu menunggu masa yang lama. Perkara ini boleh dirujuk terus kepada pihak di Markas Tentera Laut atau Markas

# ISU MARITIM

Armada. Begitu juga sekiranya terdapat keperluan dari TLDM untuk penjelasan sesuatu perkara, ianya dapat dilaksanakan tanpa perlu melalui saluran biasa yang mungkin akan mengambil masa. Ini secara tidak langsung dapat mewujudkan suasana yang lebih harmoni dengan wakil-wakil negara anggota CMF.

Penempatan SNR Malaysia di CMF telah membawa bendera Malaysia berkibar bersama-sama 29 buah negara lain. Ini merupakan satu pengiktirafan yang tinggi kepada Malaysia amnya dan TLDM khasnya kerana diterima sebagai salah satu angkatan laut yang mempromosikan keselamatan dan keamanan laut di peringkat antarabangsa. Perkara ini penting kerana Malaysia merupakan sebuah negara maritim yang memerlukan jalur laut sebagai pengantara kepada aktiviti perdagangan dan ekonominya. Penyertaan TLDM dalam CMF dapat meningkatkan lagi imej TLDM dalam kalangan masyarakat antarabangsa terutama sekali negara-negara yang menganggotai CMF berdasarkan rekod cemerlang TLDM dalam operasi FAJAR di Perairan Teluk Aden dan juga di Selat Melaka.



Kerjasama antara kapal-kapal tentera laut meningkatkan keberkesanan operasi.



Combined Maritime Forces memfokuskan kepada operasi anti keganasan di laut.





LAKSDYA DATUK MOHAMMED NOORDIN... pemimpin perlu menggunakan segala kepakaran, pengetahuan dan kebijaksanaan.

Menurutnya lagi, pemimpin kontemporari mampu melaksanakan penambahbaikan terhadap misi dan visi organisasi, memperbaharui dan meningkatkan komitmen warga serta berkebolehan menstruktur semula organisasi demi mencapai matlamat organisasi.

Sungguhpun begitu, kepimpinan tersebut akan dihormati dan lebih efisien jika ianya ditanamkan dengan tiga sikap penting iaitu ikhlas, berdedikasi dan bertanggungjawab.

Ikhlas merupakan elemen asas dalam melaksanakan sesuatu tugas dan ia merujuk kepada pelaksanaan sesuatu kerja atau tugas dengan sepenuh hati tanpa mengharapkan sebarang balasan atau ganjaran.

# PEMIMPIN KONTEMPORARI KEPERLUAN MASA KINI

Oleh : Lt Kdr Karimah bt Alwi TLDM Foto : PR MPL

**K**ONTEMPORARI jika dirujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud pada masa yang sama atau sesama manakala kepimpinan adalah keupayaan memimpin.

Kepimpinan kontempori telah dipilih oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sebagai tema sempena Seminar Pegawai Kanan (SPK) TLDM 2013 yang telah diadakan pada Mei lalu di Auditorium KD SULTAN IDRIS I (KDSI I), Pangkalan TLDM Lumut.

Pemimpin kontemporari atau kepimpinan kontemporari ditakrifkan - pemimpin yang menggunakan pengaruhnya untuk memotivasikan anggota bawahan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

Kepimpinan kontemporari jelas menunjukkan seseorang pemimpin itu perlu menggunakan segala kepakaran, pengetahuan dan kebijaksanaan yang dimiliki beliau untuk meneraju anggota di bawah seliaannya bagi mencapai sesuatu tujuan tertentu dengan cemerlang.

"Kepimpinan kontemporari boleh dikategorikan tiga ciri pemimpin iaitu pemimpin yang mampu melakukan perubahan, pemimpin yang dapat mengenal pasti ganjaran yang mampu meningkatkan motivasi anggota bawahan untuk mencapai objektif dan pemimpin berkarisma yang mempunyai aura bagi mempengaruhi

anggota bawahan untuk mencapai matlamat organisasi," kata Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya (Laksdya) Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin Ali mewakili Panglima Tentera Laut ketika memberi ucapan perasmian sempena SPK TLDM 2013 yang lalu.

"Ini bermakna apa-apa tugas yang diamanahkan kepada kita hendaklah dilaksanakan dengan ikhlas bagi menghasilkan *output* atau *outcome* yang terbaik," kata Laksdya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin.



Peningkatan pegawai kanan dari golongan wanita membuktikan TLDM tidak pernah mengabaikan golongan wanita.



Sebahagian para peserta khusyuk mendengar ceramah keselamatan yang telah disampaikan oleh Ir Rosli Hussin, Pengarah Eksekutif National Institute of Occupational Safety and Health.

Seri Panglima Mohammed Noordin penuh harapan.

Di samping tiga ciri dan tiga sikap yang diuraikan oleh Laksdya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin itu, komunikasi berkesan turut memainkan peranan penting bagi memastikan mesej atau arahan yang disampaikan oleh pegawai kanan difahami oleh anggota bawahan.

Pemimpin yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan berkesan mampu membuat perancangan yang rapi terhadap sesuatu tugas yang mana ia harus menjawab kepada 'what has to be done and what is need to be done'.

Walau bagaimanapun setiap komunikasi berkesan hendaklah diikuti dengan kawal selia yang kuat bagi memastikan sesuatu tugas atau acara yang dilaksanakan itu akan berjaya hingga akhirnya.

Sehubungan itu juga, beliau juga menjelaskan masih terdapat kelemahan kepimpinan yang dikenal pasti di kalangan pegawai kanan TLDM iaitu ketua yang tidak mengetahui apa yang berlaku, ketua yang lepas tangan, ketua yang tidak mengambil berat kebajikan dan kesejahteraan hidup anggota bawahan, ketua yang tidak menggalakkan budaya perancangan, ketua yang tidak menambah nilai, ketua yang bodoh sombong dan ketua yang tidak berani.

Selain itu, beliau mengingatkan semua pegawai kanan TLDM supaya memberi sokongan padu terhadap pelaksanaan

Dedikasi bermaksud mengabdikan diri, masa, tenaga dan sebagainya bertujuan untuk melaksanakan tugas yang diberi.

"Seorang pemimpin berdedikasi akan dapat menghasilkan kerja bermutu tinggi serta menepati masa yang ditetapkan," kata Laksdya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin lagi.

Manakala sikap bertanggungjawab pula bermaksud seseorang pemimpin akan memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan baik dan seterusnya

memuaskan hati pihak berkepentingan dan pelanggannya.

"Sikap ini membuatkan seseorang pemimpin tidak akan membiarkan sesuatu tindakan mendatangkan kerugian atau keburukan kepada organisasi.

"Oleh yang demikian, saya mahukan setiap pegawai kanan TLDM mempunyai ketiga-tiga sikap ini dan ketiga-tiga ciri kepimpinan kontemporari yang dinyatakan tadi," tambah Laksdya Dato'

## APA KATA MEREKA?



### PENGARAH KOMUNIKASI, RANCANG OPERASI MK TL, KEPT CHAN PENG CHEONG TLDM.

"Seminar kali ini telah dilaksanakan dengan lancar dan menyeluruh dengan matlamat serta objektifnya telah tercapai. Namun, saya ingin mencadangkan setiap ceramah yang dirancang perlulah dimaklumkan terlebih dahulu kepada para peserta sebelum bermulanya seminar agar persediaan dari segi ilmu dan menyelidik dalam subjek berkenaan boleh dilakukan bagi memudahkan peserta mengemukakan soalan yang bernas dan relevan.





Pelan Strategik TLDM 2013 hingga 2020 (PS1320).

Beliau berkata, PS 1320 merupakan panduan utama TLDM dalam usaha merealisasikan program transformasi TLDM.

"Saya mahukan pegawai kanan TLDM menghayati, memahami dan seterusnya menyokong segala inisiatif serta perancangan strategik yang telah dibangunkan ini.

"Pembangunan PS 1320 ini telah dilaksanakan secara kolektif dan komprehensif bagi memacu TLDM mencapai visi dan misinya.

"Dalam aspek ini setiap daripada kita mempunyai peranan masing-masing dalam memastikan matlamat, perancangan dan sasaran yang ditetapkan melalui PS 1320 ini dapat direalisasikan sewajarnya," katanya.

Beliau juga mengingatkan semua pegawai kanan TLDM supaya menitikberatkan aspek 3K (Kesihatan, Kecergasan dan Kesegakan) di samping pelaksanaan kerja seharian.

Beliau juga menyarankan supaya aktiviti-aktiviti sukan, peningkatan kecergasan dan sosial dipertingkatkan.

"Saya berharap peningkatan aktiviti-aktiviti ini di samping amalan pemakanan seimbang dapat menjadikan pegawai kanan TLDM lebih sihat, cergas dan segar sekaligus menjadi contoh kepada warga TLDM yang lain," katanya mengakhiri ucapan.

Sementara itu, dalam sesi ceramah jemputan yang disampaikan oleh Pengerusi Air Asia X, Tan Sri Rafidah Aziz bertajuk *Contemporary Leadership and Its Challenge* telah mengupas ciri-ciri pemimpin kontemporari yang perlu ada masa kini di peringkat global iaitu amanah, berintegriti, jujur, berkemampuan, bertanggungjawab, adil, berdisiplin, berfikiran global dan



Para Pegawai Kanan merupakan tunggak kejayaan dan kecemerlangan TLDM.

### AKS PEMBANGUNAN MPL TLDM, KDR SUHANA HASSAN BASRI TLDM.

"Topik yang dibincangkan perlu dikaji semula dan seharusnya perlulah berkaitan dengan insiden yang berlaku dalam TLDM. "Topik yang akan disampaikan oleh penceramah perlulah diedarkan kepada para peserta lebih awal sebelum pelaksanaan seminar agar para peserta boleh membuat kajian dan bersedia apabila berada di hari sebenar. Justeru ini akan menghasilkan komunikasi dua hala yang lebih efisien. "Penceramah yang dijemput seorang atau dua orang sudah memadai dan selebihnya lebih baik dilaksanakan dalam konsep perbincangan dan berkomunikasi terus dengan pihak atasan,".



### PEGAWAI LAKSANA KD MAHAWANGSA, KDR GEORGE PAUL THOMAS ROZARIO TLDM.

"Topik yang disampaikan oleh para penceramah bermanfaat dan dapat memotivasikan diri saya untuk terus menjadi pemimpin yang berjaya khususnya ceramah bertajuk *Contemporary Leadership and Its Challenges* yang disampaikan oleh Tan Sri Rafidah Aziz. "Secara keseluruhannya seminar kali ini amat memberangsangkan,".



## KEBANGGAAN

mengikuti perkembangan semasa khususnya dalam teknologi maklumat.

Beliau juga tidak menafikan bahawa peranan ibu bapa dalam mendidik anak adalah perkara utama dan asas dalam melahirkan pemimpin yang diinginkan seperti yang digariskan.

“Peranan ibu bapa amatlah penting dalam membentuk keperibadian anak yang baik dan seterusnya menjadi seorang pemimpin yang disegani.

“Saya mengingatkan semua pegawai kanan TLDM yang ada di sini supaya jangan terlalu memberi kepercayaan kepada pembantu rumah jika ingin melihat anak kita berjaya di dalam hidupnya.

“Ibu bapa sewajarnya mengambil peluang mendidik anak-anak walau sesibuk mana bekerja kerana kitalah yang mencorak anak-anak sebenarnya,” kata Tan Sri Rafidah yang telah menyampaikan ceramah selama sejam itu.

Selain daripada ceramah beliau, terdapat beberapa ceramah lain turut disediakan oleh pihak penganjur seperti *The Current Cyber Security Landscape: Issues and Challenges To The Armed Forces*, Keselamatan di Tempat Kerja, Amalan Pemakanan Berkhasiat Membantu 3K dan Peta Strategik TLDM 2013-2020.



Ilmu yang disampaikan sepanjang seminar memberi motivasi kepada setiap yang hadir.

## APA KATA MEREKA?

**KETUA PEGAWAI OPERASI, MARKAS ARMADA, KDR AZMAN YUSOFF TLDM.**



“Secara keseluruhan seminar ini adalah baik. Walau bagaimanapun ianya perlu diseimbangkan dengan konsep perbincangan berkumpulan iaitu dengan memaklumkan tajuk-tajuk lebih awal sebelum pelaksanaan seminar.

“Tajuk-tajuk tersebut hendaklah relevan dengan isu semasa TLDM kini dan secara tidak langsung ia mungkin boleh diselesaikan di peringkat seminar ini dengan adanya pembentangan setiap kumpulan kepada pihak tertinggi TLDM,”.

**PENOLONG PENGARAH KANAN, SEKSYEN PENYELARAN OPERASI PPPM, KDR MURTHI SUBROMONIAM TLDM.**



“Seminar yang bagus dan dapat memberi maklumat baru kepada saya terutamanya tentang *leadership* yang disampaikan oleh Tan Sri Rafidah Aziz.

“Perkongsian ilmu yang dilaksanakan dalam seminar ini amat sesuai dikongsikan bersama warga kapal,”.



# FICANTECH SDN BHD

(625888 - X)

NO. 70, TINGKAT ATAS, FASA IC4,  
32040 BANDAR SERI MANJUNG,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

NO. TEL : 05 - 6883002

NO. FAX : 05 - 6883025

E-MAIL : [support@ficantech.com](mailto:support@ficantech.com)

WEBSITE : [www.ficantech.com](http://www.ficantech.com)



FSB was incorporated in 2003 an active company in serving the Malaysia Government agencies and commercial sectors. Recognizing the needs for prompt and quality services, FSB is strategically structured to serving the project development and Implementation needs of local and international company's. FSB now moving towards to assemble some of the Marine Product Locally with ToT (Transfer of Technology) from foreign partner.

## COMPANY EQUIPMENT AND FACILITIES



## NAVAL & MILITARY PRODUCTS

Fire Control System



Multi-Sensors Marine Surveillance



Port Surveillance Security System



Magnetic Compass



Portable Air Tracking Surveillance Radar



Active Laser Illuminator



**KUALA LUMPUR BRANCH :**  
BLOK IC, NO. 1-3, JALAN WANGSA DELIMA 12, D'WANGSA,  
WANGSA MAJU, 53300 KUALA LUMPUR  
TEL: 03 - 4142 3002/012590922  
FAX: 03 - 4142 3005

**KOTA KINABALU BRANCH**  
10-1, LOT 24, TINGKAT 1, LORONG PLAZAKINGFISHER  
288400 KOTA KINABALU, SABAH  
TEL/FAX: 088-436 316



## MODAL INSAN

**G**oing to the United States Naval Academy (USNA) is a once in a lifetime opportunity. The life of a Midshipman is challenging. Every day, each Midshipman has to uphold the mission, pushing ourselves morally, mentally and physically in order to become a leader in tomorrow's navy. Although I had some basic military training from Royal Military College (RMC), I was very anxious before the Induction Day knowing that the training in USNA is at the highest level of intensity. However, I was highly motivated by pride for representing the Royal Malaysian Navy (RMN) and I was certain that the experience that I will gain would be unique.

Having watch-ed the movie "Annapolis" several times, I expected the training to be very physical where the emphasis would be on boxing and military training. Once I became a very realistic candidate, I was concerned that could I be able to compete physically with the stereotypical and larger size American. I anticipated competing with the best of the best from all over the United States and the rest of the world.

program with Plebe Summer. The duration of Plebe Summer is seven weeks. This is a period designed to turn our civilian blood into military blood.

**'To achieve the physical standard of the mission, the academy requires Midshipmen to take boxing, wrestling, swimming...'**

We start our days at dawn with an hour of rigorous exercise and end them long after sunset. We always wonder how we could make it through the next day as we have barely enough hours in the day to finish our assigned tasks! Although it could be difficult at times, but it is a time that every Midshipman will never

I walked through the prestigious gate of USNA on 19th June 2012. Induction Day marks the beginning of Plebe Summer. All Midshipmen begin the four-year

forget. I experienced both success and failure. Successes are rewarded while failures result in punishment and guidance. The overcoming of each



Midshipman Chan during sea training



## RMN Ensign Flying High at

# USNA

hurdle brings a feeling of relief and gives us the sense of pride that the challenge has been met and conquered. As time goes by, we learn to organize our time and decide which things are important. We reach top physical condition. We develop our ability to think clearly under stress and to react quickly when the unexpected comes our way. Life at USNA is divided into two parts, summer training and academic year. The academic year for Plebes (First year Midshipman) challenges Midshipman through rigorous academics. For Plebes, on top of all our homework, we have to take a weekly test on Professional Knowledge (Pro-Quiz). Failing in Pro-Quiz will result in going to an Aptitude Board. I worked extremely hard preparing myself for the Pro-Quiz and fortunately, I was exempted from the Aptitude Board. The use of rigorous academics and high intensity workload makes USNA a top rated academy in the world.

In order to achieve the physical standard of the mission, the academy requires Midshipmen to take boxing,



Not only experience... USNA also offer lot of new friends.



Mids Chan (left)

but in doing so I want to keep the RMN ensign flying high and make our beloved country Malaysia proud. I hope to learn how to balance being academically savvy, physically smart, and morally sound. Hopefully, all these traits will turn me into a good naval officer and serve the RMN with honour, loyalty, courage and pride as well as contribute towards making RMN a World Class Navy.

Last but not least ...

**“Join the Navy & See the World”  
“Serve To Lead & Ready To Sacrifice”**

*With Warmest Regards,  
Midshipman Chan Jun Kwan  
United States Naval Academy*



Sports activities ensure trainees to stay fit at all time.

wrestling, swimming and a semi-annual Physical Readiness Test (PRT) which consists of push-ups, sit-ups and 1.5 mile run under duration of allocated time. We are also subjected to different readiness test such as Marine Corps Combat Fitness Test (CFT), Marine Corps Physical Fitness Test (PFT) and even winter (6 hours long) summer (17 hours) Sea Trials, or in short, 'non-stop PT'. To get in shape for Sea Trials, we have morning workouts 2-3 times a week (0530-0630). Instead of just being instructed, our seniors lead the workouts, getting down and dirty with us. The weekend starts off with Saturday Morning Training (SMT) which consists of a different training related to each service community in the navy. For example, during the Marine Corps community week, we went to the Obstacle Course (O Course) and the 3 miles Endurance Course (E Course). Another time, we went to the aircraft stimulator as part of our training for Aviation week. 12 times during the year, the academy hosts formal parades where the Midshipmen march around a ceremonious field. Nothing could top the complexity of eating lunch. 4500 Midshipmen are served at the same time in one large

dining room (Mess). The opportunities are limitless because USNA provides all the necessities and facilities to study, work out, eat and sleep. In addition to the wonderful opportunities, I feel grateful to be exposed to some very important people including Secretary of Defense, Secretary of the Navy, Director of NASA, Admirals, Astronauts, Prisoners of War, motivational speakers and many distinguished graduates of the Naval Academy.

Setting high personal standards of integrity and character are utmost important. We are reminded that our integrity and personal honor can never be taken away from us. We must choose to do the right thing under pressure and make the best decision while maintaining our honour.

Nothing is impossible inspires me to discover my own potential. I thrive in this amazingly exciting but challenging environment. More than anything, I want not only to push myself to the limit



Opportunity to sail with one of the US Navy ship.



Aim to be the best...



Wakil dari Amerika Syarikat dan Malaysia bergambar di majlis penutup Eks CARAT Malaysia 2013. Lebih 1,200 kelasi dan Marin menyertai CARAT Malaysia 2013.

**P**ada 10 hingga 25 Jun 13 yang lepas, telah berlangsungnya Eks CARAT 13 yang melibatkan dua buah negara iaitu Malaysia dan Amerika Syarikat (AS). Eks tersebut telah dilaksanakan di sekitar Pangkalan TLDM Tg Gelang, Kemaman dan kawasan latihan sekitar perairan Laut Cina Selatan. KD JEBAT bersama KD KELANTAN merupakan

wakil dari TLDM, manakala kapal dari AS yang terlibat adalah USS CURTIS WILBUR, USS TORTUGA, USS FREEDOM dan SSN 688 LOS ANGELES CLASS.

Objektif utama eks ini adalah bagi mengukuhkan hubungan dua hala antara

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Laut Amerika Syarikat (TLAS). Melalui eks ini juga, tahap keupayaan armada TLDM dan TLAS dapat ditingkatkan bagi memastikan pengoperasian aset dan kecekapan warganya pada tahap yang tertinggi. Ia

# MALAYSIA - AMERIKA GABUNG KEMAHIRAN



Penglibatan Skwadron Frigate 2000 KD JEBAT membuktikan keupayaan armada TLDM.





USS FREEDOM antara kapal tercanggih Amerika Syarikat yang terlibat.

juga dapat melatih dan menilai tahap profesional sistem pemerintah, staf dan unit dalam teknik merancang dan melaksanakan eks bersama. Melalui eks ini, perkara-perkara tersebut telah dapat dicapai dengan jayanya apabila keseluruhan eks berjalan dengan lancar.

Eks ini merangkumi tiga fasa utama iaitu Fasa Pelabuhan, Fasa Laut dan Fasa Penutup. Pada Fasa Pelabuhan, pelbagai aktiviti, taklimat serta bengkel telah dilaksanakan. Matlamatnya adalah untuk mengkoordinasikan perjalanan latihan agar berjalan dengan lebih lancar. Antara taklimat yang telah dilaksanakan adalah seperti taklimat operasi aset-aset udara dan keselamatan udara, bengkel menggeledah, Seminar Maritim dan taklimat pengoperasian kapal selam. Keseluruhan aktiviti pada Fasa Pelabuhan ini mencapai objektifnya apabila Fasa Laut dapat dilaksanakan dengan lancar serta mendapat maklum balas yang baik daripada semua anggota yang terlibat.

Disamping itu, aktiviti yang berunsurkan kemasyarakatan juga telah dilaksanakan. Program khidmat komuniti telah diadakan pada 16 dan 17 Jun 13 di dua lokasi sekitar kawasan Kuantan iaitu Rumah Anak-Anak Yatim Cahaya Makmur dan SMK Sultanah Hajjah Kalsom. Seramai 30 anggota dan pegawai dari TLAS dan TLDM terlibat di setiap lokasi. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti persembahan kugiran oleh TLAS kepada anak-anak yatim dan pelajar sekolah, perlawanan bola sepak, sepak takraw, ping pong dan pelbagai lagi. Aktiviti seperti Military Operation (MILOPS), VBSS/Boardex, dan juga Pre-Sail Conference juga diadakan semasa Fasa Pelabuhan ini.

Fasa Laut pula telah dilaksanakan pada 18 hingga 21 Jun 13 di sekitar perairan Laut Cina Selatan. Latihan

semasa fasa ini telah disusun atur secara berperingkat daripada peringkat asas sehinggalah latihan yang lebih kompleks bergantung kepada kesesuaian kawasan dan tempoh masa latihan yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, latihan di laut ini tidak dapat berjalan sepenuhnya kerana keadaan cuaca yang tidak mengizinkan. Keadaan cuaca yang berjerebu menyebabkan jarak penglihatan berkurangan sehingga 3 cables. Ini menyebabkan beberapa latihan tergendala seperti eks penembakan, photex dan lain-lain. Walau bagaimanapun, latihan Fasa Laut diteruskan sehingga tarikh yang telah ditetapkan. Aktiviti seperti menggeledah, CASEX, DLQ serta lain-lain latihan yang tidak terkesan dengan jarak penglihatan yang terhad dapat diteruskan dengan jayanya. Semasa latihan CASEX dijalankan, KD JEBAT telah berjaya membina perhubungan dengan kapal selam AS menggunakan telefon bawah air pada jarak 2 batu nautika. KD JEBAT juga telah berjaya mengesannya pada jarak 3 batu nautika dengan menggunakan sonar. Ini telah membuktikan bahawa tahap pengoperasian kapal berada pada tahap yang baik.

Eks CARAT 13 berakhir dengan Fasa Penutupnya yang meliputi aktiviti seperti Hot Wash Up, sukan, malam mesra dan majlis penutup. Keseluruhan latihan adalah memuaskan kerana berjaya mencapai objektifnya. Ketika program Hot Wash Up dilaksanakan, semua pihak telah mengutarakan pemerhatian dan cadangan yang bernas. Ini bagi memastikan Eks CARAT yang akan datang dapat dilaksanakan dengan lebih kompetitif. Kesemua maklum balas yang diterima dari wakil yang terlibat adalah memberangsangkan dan membanggakan pihak TLDM. Majlis penutup secara rasminya telah dilaksanakan di Auditorium Al-Haimi oleh Pemangku Panglima Angkatan

Bersama. Beliau sangat berpuas hati dengan kejayaan semua aset dalam menjayakan eks pada kali ini dan mengharapkan kejayaan yang dikecapi akan terus dikekalkan untuk kepentingan bersama.



Pertandingan Tug of War meningkatkan kerjasama.



# SRIKANDI TLDM

**A**ngkatan Tentera Malaysia telah diberi kepercayaan untuk meneruskan misi pengaman di Lubnan. Ini merupakan misi bantuan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Sejarah penyertaan Malaysia menyertai misi pengaman ini apabila kerajaan Malaysia telah dipelawa untuk menyertai misi

UNIFIL bagi menguatkuasa Resolusi 1701. Kerajaan Malaysia bersetuju untuk menghantar Angkatan Tentera Malaysia bagi menyertai misi pengaman ini. Fokus utama misi pengaman ini adalah untuk memantau serta membantu kerajaan Lubnan dalam memelihara negara mereka. Selain itu, aktiviti yang melibatkan hubungan

bersama warga Lubnan juga amat dititik beratkan bagi mewujudkan hubungan silaturrahim di antara kerajaan Malaysia dan Lubnan. Aktiviti yang melibatkan rawatan perubatan percuma serta projek jiwa murni turut dilakukan semasa atur gerak misi ini. Seajar dengan itu, penglibatan pegawai dan anggota wanita dalam misi



Pegawai dan Anggota lain-lain pangkat wanita diberi kepercayaan untuk sama-sama berperanan dan mengambil tanggungjawab dalam menjayakan misi PBB di seluruh dunia.

ini telah bermula semenjak tahun 2007 di mana seramai 10 anggota wanita ATM telah sama-sama turut serta. Penglibatan yang melibatkan ketiga-tiga perkhidmatan ini adalah berdasarkan kuota yang telah ditetapkan. Sehingga kini hampir 10 pegawai dan anggota TLDM telah berkhidmat dengan misi pengaman ini.

Penglibatan pegawai dan anggota wanita dalam misi pengaman ini disambut dan diraikan semasa *Women Day* dimana semua kumpulan wanita daripada setiap kontinjen menyertainya bersama-sama. Majlis tersebut juga melibatkan wanita Lubnan. Di dalam majlis yang serba ringkas ini, setiap kontinjen akan membuat persembahan serta pertunjukan sekaligus mempromosikan negara masing-masing.

Walaupun kumpulan Wanita Kontinjen Malaysia tidak dihantar bersama kaum lelaki untuk melaksanakan tugas teras misi iaitu membuat rondaan seperti negara yang lain, kumpulan wanita ini terlibat dalam projek jiwa murni yang kerap kali dianjurkan oleh Markas UNIFIL. Antara projek jiwa murni yang mendapat sambutan

wanita yang berusia lingkungan 40 an. Kumpulan wanita yang terlibat dengan program rawatan perubatan ini membantu tim perubatan untuk membuat pemeriksaan ke atas pesakit. Oleh kerana Kerajaan Lubnan majoritinya adalah beragama Islam, isu batas dan hak menjadi isu yang sensitif. Rawatan serta pemeriksaan ke atas pesakit wanita dilakukan oleh anggota dan doktor wanita.

Misi MALCOY 8 yang berstesyen Kem Kawkaba, Lubnan yang akan tamat pada penghujung Julai

ini, diketuai oleh Lt Nurhidayah binti Zailan TLDM manakala misi MALBATT 5 yang berstesyen di Kem Tibnin ini dianggotai Lt Nazatul Shina binti Ahmad Kamarulzaman dan LK KOM Maizatul Akma binti Hussein pula akan menamatkan misi pada penghujung Oktober 2013.

Walaupun penglibatan kumpulan wanita ini di misi pengaman ini hanya 6 bulan tetapi pengalaman yang dikutip ini sangat berharga dan menjadi kenangan apabila tiba di bumi Malaysia.



Misi pengaman di Lubnan mencabar keupayaan Angkatan Tentera Malaysia.



Kehadiran Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar, memberi semangat kepada pegawai dan anggota TLDM.

semua kontinjen adalah Sambutan Hari Kanak-Kanak serta Sambutan Hari Ibu. Selalunya program-program ini mendapat bantuan daripada pihak NGO Kerajaan Lubnan. Oleh kerana wanita tidak cenderung kepada keganasan serta kekerasan, pihak NGO lebih menggalakkan untuk kumpulan wanita Kontinjen UNIFIL untuk mengambil bahagian.

Selain itu, program rawatan perubatan yang seringkali dilakukan turut memerlukan bantuan daripada pegawai dan anggota wanita. Rata-rata pesakit yang datang untuk menerima rawatan adalah dari golongan



LAKSOYA DATO' HJ Nasaruddin bin Othman, AKS J3 Markas Angkatan Bersama memberi sokongan moral kepada anggota yang akan berangkat ke misi PBB.

**Bersambung dari muka 5**

Leftenan P.K. Nettur telah mengarahkan anak-anak kapalnya membalas tembakan KKO tersebut. Serangan balas dari dua buah Bren Gun KD SRI SELANGOR telah melumpuhkan musuh. Peluru telah mengenai anggota KKO, enjin sangkut, dinding dan lantai bot menyebabkan kelima-lima mereka terbunuh dan bot tenggelam.

Selepas tragedi itu, beberapa pucuk telegram telah diterima oleh Menteri Pertahanan dari pemimpin-pemimpin UMNO, MCA dan MIC. Antara isi kandungan telegram itu adalah:

"Please convey to the RMN our deepest gratitude and appreciation to the gallantry of officers and men of KD SRI SELANGOR for their action against aggressors at St. John's Island last night. Please also

convey our condolences to family of our hero who gave his life in this action. Our best regards to those wounded and wish for their swift recovery. We pledge our solidarity and united support for our heroic soldiers who are defending our beloved nation"

Beberapa bulan kemudian, sebuah lagi kapal TLDM iaitu KD SRI PAHANG di bawah pemerintahan Leftenan M.W. Alvisse TLDM telah diserang oleh anggota KKO. Kejadian itu berlaku pada tengah malam 1 Disember 1964 kira-kira 2 kilometer dari Bedok, Singapura. Ketika kejadian, KD SRI PAHANG sedang membuat rondaan rutin telah diserang oleh Sembilan orang anggota KKO. KD SRI PAHANG telah berjaya menyerang balas dengan menembak tepat pada sasarannya dan berjaya memusnahkan bot yang dinaiki anggota KKO. Seorang anggota KKO telah terkorban, seorang cedera dan lima hilang di laut. Seorang anggota KKO yang cedera dan dua lagi yang ditawan telah di bawa ke Teluk Ayer Basin, Singapura.

**PAHLAWAN DI-KENANG**




**BATU PAHAT,**  
 Dalam satu upacara di-Parit Besar, pegawai pemimpin 'Sri Selangor' dari Pasokan Laut di-Raja, Lt. P. K. Nettur baharu2 ini telah menyampaikan sapuchok surat ta'aziah dari Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman, dan wang \$2,000 dari derma Perwira kepada Inche Sulaiman bin Hitam, ayah kepada Allah Yarham Private Samad bin Sulaiman, 22 tahun.

Private Samad telah terkorban sewaktu berjuang dengan kapal meriam Indonesia di-perayeran antarabangsa, selatan Singapura pada 24 July yang lalu. Inche Samad menaiki kapal pronda 'Sri Selangor'.



Keratan akhbar berkaitan peristiwa perjuangan TLDM menentang konfrontasi Indonesia.



Ilustrasi ketika pertempuran antara KD SRI SELANGOR dan bot yang membawa tentera Indonesia.



KD MUTIARA tidak ketinggalan memikul tugas meronda pesisir pantai walaupun dikategorikan sebagai *Despatch and Survey Vessel*. Kejayaannya adalah menghalang *Gun Boat* Indonesia yang menceroboh perairan negara pernah tersiar di akhbar bertarikh 19 Mac 1964:

“An Indonesia Gun Boat, which was sighted in Malayan waters on Monday morning towing two cargo-laden vessels off Kukup, fled when it was approached by the Royal Malaysian Navy ship KD MUTIARA”

Pada 9 Januari 1965, KD SRI PERAK di bawah pemerintahan Leftenan Hyde Smith TLDM telah berjaya menawan seramai 15 orang penceroboh yang terdiri daripada anggota TNI dalam satu kejadian di Selat Melaka. Ia merupakan kejayaan yang paling besar bagi TLDM sepanjang tempoh konfrontasi. Pada hari yang sama juga iaitu kira-kira jam 3.40 pagi, KD PANGLIMA di bawah pemerintahan Leftenan Ong Kian Lam RMNVR telah berjaya menawan empat orang anggota TNI ketika berada di perairan Selat Melaka Selatan dekat Kukup, Pontian.

Selepas itu, KD SRI KEDAH di bawah pemerintahan Leftenan A.W. Townsend RN telah bertembung dengan anggota KKO dan berjaya menawan 10 orang. KD LEDANG di bawah pemerintahan Leftenan Komander B. Cormack RN pula telah menyerang beberapa buah bot penceroboh berhampiran Pulau St. Johns, Singapura. Sementara KD SRI KELANTAN

di bawah pemerintahan Leftenan J. Buchanan RAN yang bertembung dengan beberapa buah bot anggota TNI telah berjaya membunuh dua orang.

Di sepanjang konfrontasi, TLDM terus berkembang pesat di samping menimba pengalaman kesan dari pertelingkahan dan sengketa tersebut.



Skuadron PC KD SRI SELANGOR antara kapal yang mampu melaksanakan operasi dengan berkesan ketika era konfrontasi



Rujukan:

1. Membelah Ombak
2. Serving The Nation
3. Brown To Blue

## TEMUBUAL EKSKLUSIF BERSAMA TAN SRI THANABALASINGAM

# Berbekalkan Halangan Meniti Kejayaan

Artikel : PKK Siti Fatimah bt Muhammad Ali

Foto : LK PNK Azamie

Siapa yang tidak kenal Tan Sri Thanabalasingam? Beliau merupakan wira Negara pertama-dari anak watan yang dilantik menjadi Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada usia 31 tahun. Beliau telah memangku jawatan itu semenjak 1 Dis 1967 hingga 31 Dis 1976. Majalah SAMUDERA membuat temubual eksklusif bersempena keluaran edisi Hari Pahlawan. Sehingga hari ini, beliau banyak meninggalkan kesan pembangunan terhadap kemajuan TLDM. Ikuti kisah perjalanan suka duka beliau dari penglibatan awal penyertaannya dalam dunia ketenteraan serta pengorbanan dan pembaharuan yang beliau lakukan dalam TLDM.

### SAMUDERA: Boleh Tan Sri ceritakan sedikit latar belakang Tan Sri?

Tan Sri Thana: Saya merupakan anak jati Kuala Lumpur, saya dilahirkan pada tahun 1936 di Kg Attap. Saya mendapat pendidikan awal pada usia 10 tahun di Butterworth, Pulau Pinang dan menamatkan pendidikan awal persekolahan dalam masa empat tahun, kemudian saya melanjutkan pelajaran di Victoria Institution Kuala Lumpur. Pada tahun 1954 saya menerima kelulusan dan ketika itu saya berusia 19 tahun.

### SAMUDERA: Bagaimana pembabitan awal Tan Sri dalam bidang ketenteraan?

Tan Sri Thana: Pada masa itu, saya terlihat iklan di akhbar Straits Time berkenaan pengambilan pegawai tentera laut "Join The Navy, See The World", apabila membacanya, serta-merta saya mengetahui, inilah apa yang saya mahukan.

### SAMUDERA: Adakah ayah Tan Sri mempersetujui keputusan yang telah Tan Sri pilih?

Tan Sri Thana: Pada mulanya, ayah saya berharap bahawa saya akan meneruskan pengajian di peringkat universiti berikutan keputusan cemerlang yang saya peroleh di Victoria Institution. Namun kemahuan saya untuk memasuki perkhidmatan tentera laut membuatkan ayah saya sangat marah. Tetapi saya tiada pilihan lain selain meminta kebenaran ayah saya kerana ketika itu saya masih di bawah umur. Hanya pemohon berusia 21 tahun ke atas dibenarkan untuk memasuki perkhidmatan tanpa sokongan dari penjaga.

### SAMUDERA: Apa halangan ataupun cabaran yang ditempuh oleh Tan Sri pada awal pembabitan dalam dunia ketenteraan?

Tan Sri Thana: Pada mulanya, ayah saya berkeras hati dan tidak membenarkan untuk meneruskan cita-cita saya, namun saya bernasib baik kerana memiliki seorang ibu yang amat memahami saya dan telah membantu saya untuk menyakinkan ayah.

### SAMUDERA: Apa pula kenangan yang masih Tan Sri kenang sehingga kini dalam meniti kejayaan?

Tan Sri Thana: Saya masih ingat, ketika menandatangani borang kebenaran dari penjaga, ayah saya telah menyebabkan borang tersebut terkoyak. Borang tersebut mulanya tidak diterima oleh pihak pengambilan tentera laut, tetapi saya katakan pada mereka jika saya kembali semula ke rumah untuk meminta tandatangan penjaga, saya tidak akan kembali lagi.

### SAMUDERA: Boleh Tan Sri ceritakan sedikit perjalanan hidup apabila sudah bergelar tentera laut?

Tan Sri Thana: Saya bernasib baik apabila dipilih sebagai salah seorang daripada 12 calon untuk menjalani latihan di pusat latihan Dartmouth pada tahun 1954. Saya telah ditauliahkan dan diperjawatkan di sebuah kapal terbaharu British Navy iaitu HMS CHICHESTER (F59), kapal tersebut dibina di Glasgöw. Saya perlu menaiki keretapi untuk ke sana, setelah menamatkan Sea Trial, kami telah belayar ke Portsmouth dan kapal tersebut telah ditauliahkan di sana.

### SAMUDERA: Bagaimana pula penyertaan Tan Sri dalam TLDM?

Tan Sri Thana: Pada masa itu, Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin telah menulis sepucuk surat kepada saya bagi mengajak saya dan rakan-rakan untuk menyertai Tentera Laut Malaya yang baru ditubuhkan selepas negara mencapai kemerdekaan. Saya masih ingat, antara isi surat tersebut tertulis, "kami akan bawa anda pulang". Saya merasa sangat teruja untuk pulang ke Malaysia iaitu negara tanah tumpah darah saya dan tempat di mana keluarga saya berada. Saya terus pulang dan melapor diri di Pangkalan TLDM Woodlands, Singapura. Setelah itu, saya telah dimaklumkan bahawa saya akan diperjawatkan sebagai jurulatih di Port Dickson dan saya berkhidmat di sana dari Januari 1959 hingga April 1960.



### SAMUDERA: Bagaimana pula perjawatan awal Tan Sri dan peralihan jawatan-jawatan lain?

Tan Sri Thana: Ketika masih berpangkat Lt Madya, saya diperjawatkan sebagai Pegawai Memerintah di KD SRI PAHANG, sebuah kapal SDML (Seaward Defence Motor Launches). Setelah berkhidmat selama 20 bulan di sana, saya menerima tawaran untuk mengikuti kursus kepakaran anti kapal selam. Berikutan ketika itu TLDM tidak mempunyai sebuah kapal anti kapal selam, saya telah berjumpa sendiri dengan Panglima Tentera Laut bagi memohon untuk diperjawatkan di sebuah kapal anti kapal selam. Saya kemudian dihantar ke HMS CAVALIER di Singapura. Semasa di HMS CAVALIER, saya diperjawatkan sebagai pembantu pegawai anti torpedo dan kapal selam. Tidak beberapa lama kemudian, saya telah dihantar pula ke England bagi mengikuti kursus kepakaran di HMS VERNON. Selesai mengikuti kursus, saya diarahkan untuk tinggal sementara di Portsmouth bagi menjawat jawatan sebagai Pegawai Memerintah KD SRI KELANTAN, sebuah kapal baru yang dibina di England. Ketika itu, konfrontasi telah bermula, kami diarahkan untuk berlayar pulang dan saya memerintah kapal tersebut sehingga awal tahun 1965. Kemudian saya diperjawatkan sebagai Pegawai

Laksana KD HANG TUAH dan ketika itu saya dinaikkan ke pangkat Lt Kdr.

**SAMUDERA: Bilakah Tan Sri diberitahu akan dilantik menjadi Panglima Tentera Laut?**

Tan Sri Thana: Saya menjawab sebagai Pegawai Laksana KD HANG TUAH agak lama sebelum ditukarkan sebagai pegawai memerintah KD SRI TAWAU. Ketika di sanalah saya mendapat berita bahawa saya telah dicalonkan sebagai bakal Panglima Tentera Laut. Ketika itu, saya telah berjumpa dengan Tun Razak dengan harapan dapat membawa pulang pegawai-pegawai TLDM yang berkepakaran kerana tujuan saya adalah satu, untuk memberi imej Malaysia kepada TLDM.

**SAMUDERA: Apa langkah pertama yang Tan Sri lakukan ketika menjadi Panglima Tentera Laut?**

Tan Sri Thana: Saya telah dilantik sebagai Panglima Tentera Laut pada usia 31 tahun. Apa yang saya fikirkan ketika itu, "Jika kita mahukan sebuah tentera laut berimej Malaysia, kita perlukan pusat latihan sendiri", itu antara kata-kata saya pada Perdana Menteri ketika itu. Tidak disangka beliau telah bersetuju dan kita mula melatih pegawai sendiri. Saya telah mengambil sebuah kem tentera darat di Sembawang dan mengubahnya kepada Pangkalan TLDM. Pusat latihan tersebut dipanggil CARTE (Cadet and Recruit Training Centre) yang menjadi asas kepada penubuhan KD PELANDOK.



Kapal selam merupakan aset bawah permukaan yang telah diilhamkan oleh Tan Sri Thana sejak zaman pemerintahan beliau.

**SAMUDERA: Apa pula cetusan idea yang Tan Sri kemukakan ketika memangku jawatan Panglima Tentera Laut?**


Tan Sri Thana: Antara warisan saya ketika menjadi Panglima Tentera Laut adalah mencetuskan usaha untuk menubuhkan pusat latihan TLDM di Malaysia. Saya juga telah meningkatkan keupayaan tentera laut dengan perolehan kapal yang mampu melancarkan Misil Exocet, serta penambahan inventori misil exocet. Saya turut bertanggungjawab dalam mengubah Ensign TLDM kepada identiti TLDM kini yang lebih melambangkan imej sebuah negara islam.

**SAMUDERA: Apa hasrat dan kebanggaan Tan Sri terhadap TLDM?**

Tan Sri Thana: Perolehan aset peperangan bawah permukaan merupakan sesuatu yang amat saya inginkan. Bagi melengkapkan sesebuah tentera laut, aset seperti kapal selam adalah sesuatu yang amat perlu. Saya telah mencadangkan kepada kerajaan ketika itu bahawa, kita sangat perlu memikirkan secara serius bagi memperolehi sebuah kapal selam. Mungkin bukan ketika itu, mungkin ketika saya telah bersara tetapi saya pasti, pada ketika TLDM mempunyai sebuah kapal selam, TLDM adalah sebuah Tentera Laut Bertaraf Dunia.



Barisan mantan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar kini menerajui TLDM dan meneruskan legasi Tan Sri Thana.



# THE NAVY

MUNAN SULTAN SALARUDDIN ABUL AZIZIYAH





# PEOPLE

  Navy



# BAKAT

**K**enangan manis di bumi Allah yang indah, Turki masih terpahat di hati setiap peserta rombongan BAKAT Laut. Merupakan pemilihan destinasi yang bijak menjadikan Turki destinasi kelima BAKAT Laut dalam melaksanakan Lawatan Sosial ke luar negara tahun 2013. Bermula dengan Gui Lin pada tahun 2009, kemudian ke Korea (2010) seterusnya menunaikan Umrah di Tanah Suci, Mekah (2011) dan tahun 2012 ke Beijing, China. Turki menjadi destinasi pilihan kerana keindahan lanskapnya di mana Bandar Istanbul terkenal sebagai satu-satunya kota raya di dunia yang terletak di antara dua benua, Eropah dan Asia. Bahagian Barat kota ini terletak di dalam Benua Eropah, manakala bahagian Timur kota terletak di Benua Asia. Coretan perjalanan kami menerokai bumi Turki bermula pada 1 Mei dan menjejak semula ke tanah bertuah Malaysia pada 9 Mei 13.

## 30 Apr 13 (Selasa)

Jam 2030 - Menaiki bas TLDM di KDSG menuju ke KLIA dengan lambaian dan ucap selamat oleh Panglima Tentera Laut mengiringi permulaan perjalanan kami. Rombongan yang juga disertai oleh Yang Berbahagia Puan Sri Sarah Ab Ghafar, Pengerusi JT BAKAT Laut turut dimeriahkan lagi oleh AKS Logistik dan isteri merupakan satu-satunya pasangan sejoli yang ikut serta dengan beberapa lagi isteri Pegawai Tertinggi TLDM. Keseronokan mulai terbayang di mata tapi sebagai isteri dan ibu, kesedihan turut dirasai kerana meninggalkan suami dan keluarga tersayang. ...."Sabarlah sayang, kami akan tetap pulang ke pangkuan abang. Doa dan restumu dipinta agar kami selamat dan pulang sarat dengan buah tangan..."

Jam 2145 - Urusan daftar masuk di KLIA. Belum mula perjalanan lagi, namun bagasi telah melebihi timbangan. Aduyai.....Penerbangan kami pada 1 Mei jam 0030 memberikan kesempatan untuk kami berpesan-pesan dengan ahli keluarga yang menghantar. Ada juga sudah mula mencuci mata di *Duty Free Shop*.

## 1 Mei 13 (Rabu)

Jam 0030 - Selamat Tinggal Malaysia, Tanah Airku. Istanbul kami datang! Selepas menikmati sajian di dalam kapal terbang, masing-masing mula melelapkan mata sambil mengimpikan keindahan panorama di Turki nanti. Sabarlah wahai hati....

Jam 0630C - Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Ataturk, Turki. Kami disambut oleh En Izham, Pengurus Agensi Lawatan dan juga Pemandu Pelancong yang dilantik iaitu Puan

# Catatan Kenangan

# BAKAT Laut di BUMI TURKI

## Bahagian 1



Kenangan indah di bumi Turki mengeratkan hubungan antara ahli BAKAT LAUT.



Peserta BAKAT LAUT merakamkan memori indah bersama.

Lale'. Kami dibawa menikmati sarapan pagi sambil menunggu pesawat berikutnya ke Antalya.

Jam 0930C - Menaiki pesawat Onur Air ke Antalya. Penerbangan selama 2 jam ini memberi peluang kepada kami untuk membayangkan keseronokan yang akan dialami. Apa tidaknya, tiada seorang pun pernah sampai di Antalya dan hanya diceritakan keindahannya oleh paparan gambar-gambar dalam Internet. Tapi jauh di sudut hati, Antalya seindah namanya..

Jam 1140C - Tiba di Antalya. Seterusnya kami dibawa menikmati Makan Tengahari di sebuah restoran. Bermulalah episod kami menikmati

sajian ala turki dengan roti, salad dan juga kebab... Sedappp....waduh, dalam perjalanan ke restoran tadi pun dah ada yang sempat beli jaket kulit, murah 2 kali ganda dari harga di Malaysia katanya.... kulit pun jenis terbaekkk..

Jam 1500 - Kami dibawa bersiar-siar di sekitar Bandar Antalya dan seterusnya check-in hotel. Fuhhh... tak sabar rasanya untuk rehatkan badan setelah lebih 12 jam berada di dalam perut kapal terbang..

### 2 Mei 13 (Khamis)

Jam 0800C - Selesai sarapan, bertolak ke Kemer Yacht Marina untuk pelayaran sehari di Lautan

Mediterranean. Hari yang indah dengan pengalaman baru yang indah dan ceria..

Jam 0900C - Belayar menaiki cruise yang disewa khas untuk kumpulan BAKAT Laut. Menikmati keindahan dan kejernihan air Laut Mediterranean sambil mensyukuri kebesaran ciptaan Ilahi di atas cruise yang besar dan bersih. Menyaksikan pemandangan indah gunung ganang yang berbalam dan ketenangan Laut Mediterranean menjadikan kami berasa sungguh bertuah sekali. Air laut yang tenang dan kebiruan serta cuaca yang cerah tetapi bersepoi bahasa menambahkan lagi gelagat peserta rombongan berposing dengan berbagai aksi.

bersambung...





## SUMBANGAN IKHLAS, SETULUS HATI

# Menjelang Aidilfitri

**B**AKAT Laut Lumut telah mengambil inisiatif dengan mengumpulkan dana melalui kutipan daripada ahli-ahli BAKAT Laut Lumut yang prihatin untuk disumbangkan kepada semua Kanak-kanak Istimewa (KKI) yang bersekolah di dalam Pangkalan TLDM, Lumut. Sumbangan ikhlas sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri ini telah disampaikan oleh Pengerusi BAKAT Laut Lumut, Yang Berbahagia Puan Zahara binti Ahmad pada 30 Jul 13 yang lalu. Turut hadir bersama di dalam majlis penyerahan sumbangan ini ialah Timbalan Pengerusi BAKAT Laut Lumut, Yang Berbahagia Datin Ooi Aye Choo dan ahli-ahli BAKAT Laut Lumut yang lain.

Idea murni ini telah dicetuskan oleh Pengerusi BAKAT Laut Lumut sendiri sebagai tanda keperihatinan dan sifat penyayang yang beliau miliki terhadap golongan istimewa ini. Hasrat tersebut telah disambut baik oleh semua ahli BAKAT Laut Lumut dan terus dilaksanakan

sebagai memenuhi tuntutan membuat amalanan kebajikan lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan yang mulia. Justeru itu, satu program lawatan ke semua sekolah telah dilaksanakan bagi menyerahkan sumbangan ikhlas tersebut. Antara tempat lawatan yang terlibat adalah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Sekolah Kebangsaan Pangkalan TLDM 2 dan Sekolah Menengah Pangkalan TLDM. Seramai 68 orang KKI hadir untuk menerima sumbangan duit raya dan beg cenderahati.

Lawatan dimulakan pada jam 1030 pagi bermula di PPDK di mana seramai 22 orang KKI berumur dari 4 bulan hingga 14 tahun ditempatkan di PPDK. Kehadiran rombongan disambut mesra oleh ibu bapa, anak-anak istimewa dan guru yang bertugas Pengerusi BAKAT Laut Lumut sempat beramah mesra dan

bertanya khabar mengenai kesihatan anak-anak dan juga istemewaini dan juga persiapan ibu bapa menjelang sambutan Aidilfitri. Kesemua KKI amat ceria dengan kehadiran Pengerusi dan ahli BAKAT Laut Lumut yang lain. Ibu bapa kanak-kanak yang terlibat turut melahirkan rasa syukur di atas sumbangan ini dan merasa amat terharu kerana BAKAT Laut Lumut tidak melupakan anak-anak mereka di saat menjelang Syawal.

Lawatan diteruskan ke Sekolah Menengah Pangkalan TLDM yang dihadiri oleh seramai 10 orang pelajar kurang upaya. Semasa lawatan, lima daripada mereka sedang menduduki peperiksaan. Istimewanya di sini, terdapat dua pelajar yang sangat menghiburkan hati ahli rombongan lawatan. Adik Muhamad Syafiq bin Safilas sempat



Prihatin... BAKAT LAUT Lumut meluangkan masa bersama kanak-kanak Istimewa.



mendengarkan lagu "Seroja" manakala adik Nurul Aswani binti Khalid menghiburkan hadirin dengan lagu "Balik Kampung". Mereka amat ceria dan jelas kegembiraan mereka menerima tetamu walaupun ada di antara mereka berpuasa.

Seterusnya, ahli rombongan membuat lawatan ke Sekolah Kebangsaan Pangkalan TLDM 2. Seramai 36 orang pelajar telah menghiburkan rombongan lawatan dengan dendangan lagu "Selamat Hari Raya". Telatah anak-anak ini amat mencuit hati kami semua. Di penghujung lawatan, ahli rombongan sempat bergambar bersama pelajar dan guru-guru di sekolah ini.

Lawatan sempena penyerahan sumbangan ini telah berakhir pada jam 1230 tengahari. Ahli rombongan amat teruja dan bersyukur kerana dapat bersama KKI dalam lawatan yang penuh bermakna ini. Diharapkan agar sumbangan yang tidak seberapa ini mampu membawa sedikit sinar kebahagiaan buat semua anak-anak istimewa yang terlibat. Lawatan kebajikan seperti ini amat penting sebagai pendorong dan pemberi semangat kepada anak-anak istimewa untuk terus belajar sebagaimana dengan pelajar yang lain tanpa rasa tersisih.



YBhg Puan Zahara menyerahkan sumbangan.

## PERSONALITI

**LAKSAMANA TAN SRI ABDUL AZIZ BIN HJ JAAFAR****Idola Mohamad Khushairey****Nama penuh dan nama panggilan.**

Nama saya 836835 LK II TLS Mohamad Khushairey bin Ramley dan nama timangan dipanggil Hery.

**Pencapaian akademik.**

Pencapaian akademik saya dalam SPM ialah mendapat 1A, 1B, 5C dan 1D. Saya juga mempunyai Sijil Kolej Komuniti dalam Jurusan Pelukis Pelan Seni Bina.

**Apakah status anda dan anak ke berapa dalam keluarga.**

Saya masih bujang dan saya merupakan anak sulung daripada tiga orang adik beradik.

**Apa cita-cita anda, kenapa pilih cita-cita tersebut?**

Cita-cita saya sejak dari sekolah rendah adalah untuk menjadi seorang anggota tentera disebabkan saya mengagumi bidang melibatkan pakaian beruniform dan kini Alhamdulillah cita-cita saya telah tercapai.

**Mengapa menyertai TLDM dan siapa yang mendorong?**

Saya memilih memasuki TLDM disebabkan keutamaan pertama saya dalam ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM. Ibu dan bapa saya menjadi pendorong utama kepada saya untuk mencapai cita-cita tersebut.

**Apakah yang menarik anda untuk menyertai TLDM? Kenapa?**

Perkara yang menarik saya untuk menyertai TLDM adalah kerana moto 'Join The Navy To See The World', saya teruja untuk menabur bakti kepada negara dan boleh belayar ke luar negara serta dapat menambah ilmu dan pengalaman saya.

**Siapakah pemimpin dalam TLDM yang menjadi idola atau sumber inspirasi kepada anda?**

Idola saya dalam TLDM ialah Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar. Saya menjadikan beliau sebagai ikon kerana kejayaan beliau dalam menangani isu lanun terhadap aset negara di Somalia. Ini menjadikan saya lebih bersemangat untuk berjuang bagi mempertahankan negara tercinta.

**Apakah keistimewaan yang anda miliki?**

Saya mempunyai ciri-ciri seorang pemimpin yang bertanggungjawab, dan berketrampilan hasil didikan oleh ibu bapa saya di mana sebagai seorang anak sulung saya selalu bertanggungjawab untuk menjaga adik-adik. Saya dianugerahkan sebagai Perajurit Muda Terbaik Keseluruhan Lelaki pengambilan 207 dan telah memenangi hadiah Pisau Pelaut serta anugerah Piala Panglima Tentera Laut.

**Apakah bidang kepakaran anda kini? Kenapa memilih bidang tersebut?**

Bidang kepakaran saya sekarang ini adalah Kepakaran Teknisyen Letrik dan Senjata. Saya memilih bidang tersebut adalah kerana perubahan teknologi dari semasa ke semasa dalam sistem persenjataan.

**Apakah harapan anda di masa hadapan?**

Harapan saya di masa hadapan adalah untuk menjadi seorang anggota teknikal yang berjaya dan pada masa yang sama dapat melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi.



Khushairey mengiringi Panglima Armada ketika majlis POP.



# SYSTEM CONSULTANCY SERVICES SDN BHD

Your *Thinking* Company

System Consultancy Group of Companies:



**Prestigious Discovery Sdn Bhd**  
(286874-W)

Telemetry and SCADA Systems



**DK Composites Sdn Bhd**  
(448908-X)

Design and Fabrication of  
Advanced Composites materials  
for Architectural, Marine,  
Automotive and Aerospace Industries



**Digital Aura (M) Sdn Bhd**  
(308286-T)

Project Management Solutions



**IBS Technology Sdn Bhd**  
(394181-H)

Intelligent Building and  
Security Systems

Head Office:

**System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)**  
No. 36 Jln Wangsa Delima 6 Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC) 53300 Kuala Lumpur  
Tel: +603 4149 1919 Fax: +603 4149 2121 Email: scshq@po.jaring.my

www.scs.my

# MEDIA BAHARU DIMENSI PEPERANGAN MASA KINI

**P**eledakan perkembangan teknologi informasi komunikasi maklumat pada dekad ini membolehkan pelbagai maklumat dan informasi disebarkan kepada masyarakat umum dengan sekelip mata.

Kewujudan teknologi satelit telah meningkatkan jaringan komunikasi di seluruh dunia

Kita menyadari bahawa kebolehan media bukan sekadar menyampaikan maklumat kepada masyarakat, bahkan juga mampu membentuk pandangan serta sikap.

Seiring dengan kewujudan badan-badan percetakan dan perkembangan teknologi informasi dan komunikasi (ICT), peranan media tanpa sempadan telah merentasi semua aspek kehidupan dan pelbagai lembaran kehidupan manusia di segenap pelusuk masyarakat. Penggunaan media sosial Facebook, Twitter dan Youtube banyak diperdebat dan dibincangkan. Peranannya juga sangat efektif khususnya kepada generasi baru yang dikenali sebagai Generasi X dan Y yang celik menggunakan teknologi maklumat. Media sosial ini semakin terdedah kerana ia bebas, murah

dan mudah untuk diakses khususnya di bandar dan pinggir bandar yang mempunyai infrastruktur yang baik bagi kemudahan internet yang membolehkan rakyat Malaysia mengakses pelbagai maklumat yang ada.

Andreas Kaplan dan Michael Haenlein mendefinisikan media sosial sebagai "sebuah kumpulan aplikasi berasaskan internet yang membangun atas dasar ideologi dan teknologi Web 2.0, dan ianya boleh dicipta serta ditukar.

Peranan media dilihat semakin mencabar kerana masyarakat semakin aktif dan mampu menentukan tujuan dan matlamat mereka ketika mendedahkan

diri kepada media massa. Dalam pada itu, pengamal media diamanahkan menulis berita yang berkemampuan menyampaikan maklumat sah, tepat, dan bermatlamat positif. Peranan media bukan sekadar menyampaikan maklumat terkini kepada masyarakat malah media juga melibatkan diri dalam pendidikan, perkembangan ekonomi negara, politik semasa, kebudayaan, dan hiburan.

Tanggungjawab media dalam menyampaikan informasi, mendidik, membentuk jati diri masyarakat dan seterusnya menjadi agen transformasi minda dalam kalangan masyarakat sehingga membentuk sesebuah masyarakat yang lebih bermoral, bermaruah dan berdaya saing merupakan prinsip yang harus dipegang teguh oleh pengamal media. Justeru itu, media berkeupayaan menjadikan sesebuah masyarakat itu bertindak mengikut etika, moral dan akhlak yang tinggi seterusnya dapat meletakkan setiap agenda kenegaraan dan kemanusiaan sebagai pemangkin kehidupan. Media disifatkan instrumen demokrasi yang menzahirkan penambahbaikan pemikiran individu melalui cara yang lebih positif.

Petikan kata-kata Michel Foucault yang menyebut 'Ilmu itu kuasa, siapa yang menguasai maklumat dialah yang berkuasa', jelas memberi impak yang besar terhadap media baharu ini. Sarjana terkenal Jerman, Jurgen Habermas



Pelbagai medium media sosial boleh menjadi agen penyebaran maklumat dalam masa yang singkat.





pernah menyatakan pada tahun 1996 di mana kekuatan internet mampu menumbangkan rejim authoritarian. Ini terbukti bahawa Revolusi Arab pada tahun 2011 dikenali sebagai Revolusi Media Baharu telah berjaya menumbangkan rejim autokratik di Tunish dan Mesir.

Manakala di Malaysia pula, perdebatan mengenai media sosial telah bermula pada awal dekad yang lalu namun kini ia semakin mendesak. Terdapat banyak kes yang memerlukan pihak berkuasa mengambil tindakan tegas dan peranan rakyat ke atas penggunaan media sosial ini.

Baru-baru ini timbul kewujudan tentera siber "Red Bean Army" yang dikatakan menyebarkan kenyataan berbau perkauman menerusi media sosial. Dikhuatiri perbuatan seumpama ini boleh mengundang keadaan huru-hara sehingga boleh menghancurkan negara. Fitnah dan hasutan berterusan yang disebar di laman sosial juga boleh menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat yang berbilang bangsa. Ternyata, media mempunyai kemampuan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial yang lebih baik bagi memastikan masyarakat dilimpahi dengan maklumat yang bernas dan sahih. Bagi masyarakat, media merupakan sumber ilmu dan informasi (Finnegan, 1942). Maklumat yang dibaca, didengar, dan dilihat menerusi persekitaran boleh mewujudkan suatu pandangan dan persepsi khalayak

yang berlainan (Hasmah Zanuddin dan Yuana King, 2006).

Kepesatan perkembangan media sosial kini semakin dibimbangi kerana masyarakat berupaya memiliki media sendiri. Jika untuk memiliki media tradisional seperti televisyen, radio atau akhbar memerlukan modal yang besar dan tenaga kerja yang banyak, maka lain halnya dengan media. Pengguna media sosial boleh mengakses m e n g g u n a k a n rangkaian internet tanpa bayaran besar, tanpa alat mahal dan dilakukan sendiri tanpa pekerjaan.

## 'Ilmu itu kuasa, siapa yang menguasai maklumat dialah yang berkuasa'

-Michel Foucault

Menurut Antony Mayfield

iCrossing, media sosial dilihat seolah-olah seperti manusia biasa yang saling berkongsi idea dan bekerjasama untuk mencipta berfikir, berdebat, mencari seseorang yang boleh menjadi kawan baik, mencari pasangan serta membina sebuah komuniti. Media sosial boleh diakses dalam beberapa saat dan ini merupakan antara alasan mengapa ia semakin berkembang pesat dan adakalanya tidak terkecuali digunakan untuk kepentingan diri dan sebagai keperluan mencipta nama peribadi.

Media komunikasi mempunyai peranan yang amat penting dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang cemerlang. Pihak pengamal media, organisasi yang bertanggungjawab serta pengguna media massa yang semakin hari semakin bertambah perlu sama-sama menilai dan mengkritik dalam usaha menambah nilai untuk

kebaikan, bukannya mengkritik untuk meruntuhkan.

Mesej yang disampaikan bukan hanya sekadar maklumat untuk tatapan, bahkan mesejnya mampu mengubah persepsi dan sikap masyarakat terhadap sesuatu. Media yang digerakkan dengan penuh kesedaran sosial mampu membawa pelbagai manfaat kepada masyarakat dan negara, namun media yang dilonjakkan dengan semangat mencari laba dan keuntungan semata tanpa memikirkan kemusnahan akhlak dan pemikiran bangsa akan mengundang pelbagai malapetaka.

Justeru, pihak kerajaan terutamanya mestilah memastikan media komunikasi berperanan sebagai agen yang membantu pihak kerajaan mencorak pemikiran dan sikap masyarakat ke arah menjadi warganegara yang berakhlak mulia. Manakala pihak media komunikasi pula haruslah bergerak berteraskan nilai-nilai akhlak yang mulia dalam usahamenjalankan tanggungjawab menyebarkan mesej dan maklumat. Masyarakat umum selaku pengguna media komunikasi pula haruslah menjadi pengguna yang bijak bestari dalam menilai sesuatu mesej yang dilihat, dibaca dan yang didengar. Jadikan informasi berakhlak budaya kita.

Penulisan sesuatu berita yang adil, mampu memenuhi aspirasi dan polisi negara dan berkebolehan mengubah minda serta perlakuan rakyat jelata menjadi lebih positif dan berinovasi adalah amat signifikan. Natiyahnya bagaimana menggunakan media sosial terletak di tangan sendiri dan baik buruknya terletak di hujung jari anda.



Perkongsian maklumat yang tidak terkawal boleh memberi impak negatif jika maklumat yang disampaikan tidak benar.



MODAL INSAN



Pegawai Dalam Latihan tekun mengikuti kelas yang dijalankan.

**L**atihan pegawai kadet TLDM telah mula dilaksanakan secara berpusat di Pangkalan TLDM Lumut mulai tahun 1980 apabila KD PELANDOK (KDP) telah dipindahkan dari Kem Sembawang, Singapura. Jabatan Latihan Pegawai yang melaksanakan latihan asas pegawai kadet pada ketika itu telah dinamakan Cawangan Latihan Pegawai (CLP) melalui pengstrukturkan semula KDP pada tahun 1992. Pada 1 Mac 1995, CLP telah distruktur semula dan dinamakan Fakulti Pegawai. Fakulti Pegawai telah mengalami pembangunan infrastruktur iaitu pembinaan bangunan pentadbiran yang dinamakan sebagai Antares dan bangunan latihan yang dinamakan sebagai Betelguese.

Sesuai dengan pembangunan tersebut, Fakulti Pegawai telah dinamakan sebagai Kolej Tentera Laut Diraja (KTLD). KTLD telah ditauliahkan pada 15 Mei 2006 dengan diberi nama KD SULTAN IDRIS PERTAMA (KDSI I) sempena mengambil nama Sultan Negeri Perak Darul Ridzuan yang ke - 28 iaitu Almarhum Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Idris Murshidul' Adzam Shah Rahmatullah ibni Almarhum Raja Bendahara Alang Iskandar.

Semenjak ditauliahkan, KDSI I telah mengalami pelbagai perubahan, pembaharuan dan pemodenan sesuai dengan perkembangan semasa TLDM. Konsep Transformasi KDSI

I telah diluluskan pelaksanaannya oleh Jawatankuasa Laksamana pada penghujung tahun 2012. Transformasi tersebut adalah berdasarkan kepada Laluan Kerjaya Baharu Pegawai TLDM. Antara landskap terbaru yang dapat dilihat di KDSI I ialah bangunan 11 tingkat Wisma Suria baharu bernilai lebih RM 48 juta yang menggantikan bangunan lama yang merupakan salah satu elemen Transformasi KDSI I.

Pihak pengurusan tertinggi TLDM pada masa kini amat menekankan pembangunan modal insan iaitu pegawai TLDM yang terlatih bukan sahaja dari segi pengetahuan asas perkhidmatan malahan juga kemantapan dari aspek kerohanian dan sahsiah melalui penerapan Nilai Teras TLDM iaitu Kemuliaan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan. Selain itu aspek keterampilan fizikal juga amat ditekankan melalui pelaksanaan dasar Kesegakan, Kecergasan dan Kesihatan (3K).

Sesuai dengan aspirasi pihak pengurusan tertinggi TLDM yang menekankan penerapan Nilai Teras TLDM dan dasar 3K kepada semua warganya, KDSI I telah memperkenalkan rutin baharu kepada kursus-kursus yang dilaksanakan. Pelaksanaan solat secara berjemaah kepada PDL dapat menyumbang kepada pembentukan peribadi pegawai yang tinggi nilai-nilai keagamaan dan

sahsiahnya serta dapat membentuk minda pegawai yang berkelas dunia sesuai Visi TLDM iaitu Tentera Laut Bertaraf Dunia. Pelaksanaan rutin yang baharu juga dapat membantu pegawai mengamalkan rutin pemakanan yang seimbang dan sihat serta menyokong dasar 3K yang sangat ditekankan oleh pihak pengurusan tertinggi TLDM.

Pegawai, jurulatih dan staf KDSI I turut menerima kesan yang positif hasil dari pelaksanaan rutin baharu ini. Antara kesannya ialah pegawai dan jurulatih mempunyai lebih masa terutamanya di waktu pagi untuk menjalankan rutin harian dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pentadbiran kursus. Pelaksanaan rutin baharu kursus ini diharap akan dapat diteruskan bukan sahaja di KDSI I malahan akan dapat dipanjangkan di semua unit-unit dan pusat-pusat latihan di bawah MPL TLDM.



Penerapan kerohanian perlu bagi membentuk pegawai yang berkualiti.

# TRANSFORMASI KDSI I



Sukan antara divisyen dapat memupuk semangat kesukanan

# TENGGKU MAHKOTA KELANTAN DI LUMUT



Krew Markas Udara tidak ketinggalan bergambar kenangan bersama Baginda Tuanku (empat dari kiri)

**T**ANGGAL 5 April 2013 menjadi detik bersejarah kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan rakyat Kelantan khususnya apabila Tengku Mahkota Kelantan (TMK), Yang Amat Mulia Dr Tengku Muhammad Faiz Ibni Tuanku Ismail Petra telah dikurniakan pangkat Laksamana Pertama Kehormat oleh TLDM.

Majlis pengurniaan pangkat dan penyerahan watikah itu telah disempurnakan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V dengan disaksikan Panglima Tentera Laut (PTL), Laksamana Tan Sri Abdul Aziz

Jaafar di Istana Kota Lama, Kelantan. Pengurniaan pangkat itu menjadikan Dr Tengku Muhammad Faiz merupakan orang ketiga yang memakai pangkat Laksamana Pertama Kehormat selepas Raja DiHilir Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Pengurniaan pangkat ke atas Baginda Tuanku tidak terhenti di situ sahaja, namun baginda telah memperkenan untuk mencemar duli menyelami kehidupan TLDM dengan mengikuti Program Pengenalan Khas TLDM.

Program yang mengambil masa selama lebih kurang dua minggu bermula 7 sehingga 18 April 2013 telah dikoordinasikan oleh KD SULTAN IDRIS I (KDSI I) di bawah naungan Markas Pendidikan dan Latihan (MPL) TLDM.

Beberapa markas dan unit di Pangkalan TLDM Lumut terlibat sempena program tersebut termasuk Markas Bantuan, Markas Armada, Pusat Taktik Maritim (PUSTAKMAR), KD DUYONG, Depot Bekalan Armada, Depot Bantuan, Depot Peluru dan Letupan dan juga KD PELANDOK.

Keberangkatan tiba Baginda Tuanku di Pangkalan TLDM Lumut pada 7 April telah disambut oleh Panglima Pendidikan dan Latihan (PPL) TLDM, Laksamana Muda (Laksda) Dato' Pahlawan Syed Zahiruddin Putra Syed Osman, Panglima Bantuan (PB), Laksamana Pertama Abd Aziz Mohd Sani, Pegawai Memerintah KDSI I, Kepten (Kept) Suhaimi Sani TLDM, serta para pegawai KDSI I.

Pada hari pertama di Lumut, Baginda Tuanku telah mencemar duli memulakan program dengan mendengar taklimat ringkas pentadbiran, pengenalan TLDM dan pangkalan TLDM di Wisma Samudera.

Taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Memerintah (PM) KDSI I, Kept Suhaimi Sani TLDM turut



Baginda Tuanku mencuba Polarus di KD KELANTAN sambil diperhatikan oleh Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Abdul Hadi A. Rashid.



# MODAL INSAN

dihadiri PTL, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar, PPL TLDM, PB dan Ketua Staf Markas Armada (KS MA), Laksamana Pertama Dato' Chin Yoon Chin.

Selesai taklimat pagi itu, Baginda Tuanku telah mencemar duli menghadiri santapan diraja tengahari bersama warga TLDM di Dewan Khatulistiwa, Wisma Samudera.

Majlis santapan tersebut dianggap istimewa kerana di situlah Baginda Tuanku dihadiahkan pedang diraja oleh PTL dengan disaksikan oleh PPL TLDM.

Hadiah pedang diraja tersebut adalah sebagai simbolik bermulanya program khas TLDM untuk Baginda Tuanku.

Selain daripada sesi taklimat, program yang mengambil masa sepuluh hari itu juga merangkumi pengenalan kawad TLDM, pengenalan senjata kecil, taklimat *Principles of War*, pelayaran bersama bot CB 90 dan bot layar UTARID ke Perairan Pulau Pangkor dan *Dynamic Shooting and Maritime Hostage Rescue Simulation* di KD PANGLIMA HITAM.



YTM TMK, Laksamana Pertama (Kehormat) Dr Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra berangkat mencemar duli ke Lapang Sasar Sultan Abdul Samad menjalani latihan menembak.



Ketika latihan rakit penyelamat.



Baginda Tuanku mengambil kesempatan menyelam di Kolam Renang KD DUYONG.

Pada hari terakhir di Lumut, Baginda Tuanku berangkat mencemar duli mendengar *debrief* di KDSI I yang memuatkan keseluruhan aktiviti sepanjang program yang telah diadakan.

*Debrief* tersebut telah disampaikan oleh Leftenan Komander (Lt Kdr) Samsul Kamal Baharom Shah TLDM, Lt Megat Mohamad Safwan Firdaus Megat Mohamad Yunus TLDM dan diakhiri ucapan penutup oleh Kept Suhaimi Sani TLDM.

“Patik berasa bangga kerana Tuanku sanggup berangkat mencemar duli mengikuti program ini dengan penuh dedikasi, minat dan gembira untuk mengenali TLDM dengan lebih dekat”.

“Patik juga terharu kerana Tuanku sememangnya berjiwa rakyat kerana tidak segan untuk beramah mesra dengan warga TLDM tanpa ada batasan”.

“Pengalaman yang kami lalui ini adalah satu pengalaman yang amat berharga dan tetap dikenang,” kata Kept Suhaimi Sani TLDM ketika berucap sebagai menutup *debrief*’.

Selesai *debrief*, Baginda Tuanku berangkat mencemar duli ke Kediaman Tetamu Kehormat (JUGRA) untuk majlis santapan tengahari bersama para panglima TLDM dan seterusnya berangkat pulang ke Istana Kelantan.

Sebagai tanda penghargaan kepada pihak TLDM, Baginda Tuanku telah mencemar duli mempersembahkan cenderahati kenang-kenangan kepada PTL.

Pihak TLDM juga mempersembahkan cenderahati kenang-kenangan berupa album yang dipersembahkan oleh PTL diiringi PPL TLDM kepada Baginda Tuanku.



Kept Suhaimi Sani TLDM menyampaikan cenderahati kenang-kenangan berupa bingkai papan sasaran tembak Rifle M4 kepada Baginda Tuanku.



TMK berangkat mencemar duli menerima taklimat pengenalan kawad TLDM di KDSI I.



Tuanku menclun pedang diraja yang dihadiahkan oleh PTL sebagai simbolik bermulanya program khas TLDM.



Kenangan bersama TMK di JUGRA...



TMK ketika taklimat ringkas berkenaan program khas baginda tuanku.



TMK ketika taklimat ringkas berkenaan program khas baginda tuanku.

# TINTA ROHANI

**B**erpuasa di bulan Ramadhan merupakan rukun Islam yang ketiga dan adalah menjadi kewajipan bagi seluruh umat Islam yang mampu untuk menunaikannya. Sebagaimana Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Baqarah yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atasmu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu, semoga kamu berpuasa". Berbekalkan semangat 'Sedia Berkorban' dan niat untuk berjihad ke jalan yang diarahkannya, tempoh penugasan operasi selama 50 hari akan kami harungi dengan penuh ketabahan dan iltizam yang membara bagi memastikan setiap inci perairan negara tidak akan dibolosi untuk kali kedua.

Tanggal 1 Ramadhan 1434H bersamaan 10 Julai 2013, KD LEKIU telah diarahkan untuk melaksanakan penugasan Op SERKAP di perairan



Solat mampu memberi ketenangan jiwa kepada manusia.

## JIHAD RAMADHAN DI SAMUDERA RAYA

Sabah Timur. Sebagai insan biasa, sanubari kami diselubungi dengan perasaan terharu, bangga dan bersyukur. Tatkala ini ramai di kalangan umat Islam berpeluang untuk menyambut ketibaan Ramadan Al-Mubarak bersama ahli keluarga tersayang, namun Allah S.W.T telah menetapkan kami sebagai insan-insan terpilih untuk menjaga kedaulatan perairan negara. Kami menerima ketentuan dari Allah S.W.T dengan hati yang terbuka dan bersedia menghadapinya dengan penuh kesabaran. Sebagai hambaNya, kita sentiasa akan diberi ujian di dunia yang sementara ini, dan setiap ujian yang diturunkan mempunyai hikmahnya.

Menjalani ibadah puasa di samudera raya membawa begitu banyak keistimewaan bermula dengan solat fardhu yang dapat dijamak dan diqasrkan hinggalah dipermudahkan untuk pelaksanaan pelbagai amalan seperti tadarus Al-Quran, solat sunat Tarawikh dan Qiamullail tanpa perlu bersesak-sesak serta tergesa-gesa bergerak ke

masjid yang berhampiran. Segalanya seperti dipermudahkan oleh Allah S.W.T dan di sinilah terdetik seribu keinsafan dan meningkatkan ketaqwaan kami sebagai sebuah keluarga yang bermusafir di samudera luas. Deruan ombak dan hembusan bayu di Geladak Penerbangan semasa kami khususnya beribadah jelas menusuk jiwa dan amat sukar digambarkan akan kebesaran Allah S.W.T.

Tiada banyak bezanya rutin harian kami pada bulan yang mulia ini, bermula dengan taklimat harian seawal jam 0730 setiap hari. Jadual yang padat pada sebelah pagi tertumpu kepada siri-siri latihan, kerja-kerja senggaraan dan pembersihan serta pelbagai keperluan operasi. Meskipun rasa lapar dan dahaga agak terasa apabila disinari terik mentari, berkat keimanan segala rintangan dapat dihadapi dengan mudah. Pengawasan perairan negara dan ruang udara dilaksanakan dengan teliti menerusi sistem penderia kapal dan pesawat Super Lynx apabila keadaan memerlukan. Keberkatan Ramadhan lebih dirasai ketika melaksanakan ibadah dengan penuh tawadduk tanpa sebarang gangguan. Sifat sabar dan cekal inilah yang membentuk tentera yang berkualiti menyingkap contoh sejarah Sultan Muhammad Al-Fateh bersama bala tenteranya yang berjaya menakluk Kota Constantinople di bulan Ramadhan. Sejarah tersebut sentiasa menjadi motivasi kepada warga KD LEKIU untuk terus berjihad di jalan Allah.

Ramadhan yang tidak dihiasi dengan majlis ilmu ibarat malam tanpa bintang, sehubungan itu pada sebelah

petang, kelas-kelas agama seperti kelas Fardhu Ain dan Al-Quran turut imarahkan pada setiap hari. Di sini, kami dapat menambahkan lagi ilmu-ilmu agama dan memperbetulkan bacaan Al-Quran yang jarang dapat kami hadiri semasa berada di pelabuhan. Tanpa perlu menghidupkan enjin kereta ataupun motosikal, kami telah mendapat mengimarahkan Ramadhan dalam usaha untuk menangani gelora situasi hidup sekarang, usaha menjayakan dasar pembinaan mental dan kerohanian Islam kepada seluruh warga kapal, menjadi agenda utama ke arah melahirkan anggota yang mempunyai ketahanan mental dan spiritual melalui pengi-



Sesi tadarus Al-Quran.



sian ilmu-ilmu keagamaan. Di samping peningkatan kerohanian ke arah menjernihkan lagi hati dan jiwa dengan pancaran-pancaran amalan soleh seperti contoh aktiviti tayangan video-video keagamaan. Nama-nama penceramah tersohor seperti Ustaz Azhar Idrus dan Ustaz Kazim Elias sentiasa meniti di bibir warga KD LEKIU bila masa tayangan ceramah tiba.

Rasa pening dan mual menjadi asam garam sebagai seorang anggota TLDM ketika bertugas di samudera terutamanya semasa laut bergelora. Kecekalan dan ketabahan amatlah diperlukan bagi memastikan sempadan negara tidak dicerobohi anasir jahat lebih-lebih lagi di bulan yang mulia ini. Bergema azan Maghrib dilaungkan tanda masuknya waktu berbuka puasa bagi warga KD LEKIU dan bagi petugas pada waktu tersebut, sama ada di anjungan mahupun di bilik jentera, mereka tetap melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab. Kurma dan sedikit kuih menjadi santapan ketika itu sebagai pelapik perut sementara menunggu makan malam setamat tugas. Kami hanya mampu memanjatkan doa agar berpeluang bersama dengan keluarga kelak. Sabda Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Al-Tarmizi dan Ibnu Hibban yang bermaksud, "Tiga jenis manusia yang menjadi hak atas Allah tidak menolak doanya, orang yang berpuasa sehinggalah ia berbuka, orang yang dianiaya sehinggalah ia terlepas, dan orang yang musafir sehinggalah ia kembali". Bagi yang tidak bertugas, majlis berbuka

puasa beramai-ramai diadakan di geladak penerbangan. Dengan adanya majlis sebegini, ia dapat memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga KD LEKIU. Perkara yang positif dapat diwujudkan dengan aktiviti seperti ini adalah dapat mengelakkan pembaziran di samping mengeratkan lagi ikatan ukhwah antara warga kapal.

Sesungguhnya pengalaman menjalani ibadah puasa ketika di tengah samudera telah mendatangkan 1001 pengertian yang amat bermakna buat kami warga KD LEKIU. Di dalam melaksanakan amanah yang diberi untuk menjaga kedaulatan negara, tanggungjawab sebagai hamba Yang Maha Esa tidak pernah dilupakan. Seribu kesyukuran kami panjatkan ke hadrat Ilahi kerana kami terpilih sebagai hambaNya yang berjihad pada bulan Ramadhan.

# SETIAP AMALAN MESTI IKHLAS

**S**alah satu syarat sesuatu amalannya diterima Allah ialah ikhlas dalam melakukannya semata-mata kerana Allah SWT tidak kerana manusia, mengejar perkara keduniaan, menunjuk – nunjuk atau sebagainya. Seseorang yang tidak ikhlas dalam amalannya, maka segala amalannya yang dilakukan adalah sia-sia dan ditolak Allah.

Sifat tidak ikhlas dalam amalannya adalah sifat orang munafik dimana mereka itu bersolat, berpuasa atau berjemaah semata – mata kerana takut dengan orang dan seterusnya menjadi gunting dalam lipatan. Sifat begini amat dibenci Allah.

Kesannya, kehidupan yang dilalui dipenuhi dengan keluh kesah dan resah gelisah kerana tidak dirahmati oleh Allah. Oleh itu, seorang hamba perlu berusaha untuk meningkatkan keikhlasan diri dari semasa ke semasa. Mudah- mudahan ibadat yang dilakukan diterima oleh Allah dan kehidupan kita sentiasa diberkatiNya.

Tiada siapa tahu sama ada seseorang itu ikhlas atau tidak dalam melakukan amalannya kecuali Allah. Seseorang itu tidak boleh dinilai dari segi kulit luaran seperti pakaian yang dipakai. Mungkin dari segi

zahir, orang lain melihatnya sebagai seorang yang rajin beribadat, bersolat sunat, puasa sunat, berjubah, berserban tapi hanya Allah sahaja yang layak menilai. Ikhlas atau tidak hanya Tuhan yang Maha Mengetahui.

Oleh itu, kita perlu memastikan ibadat yang dilakukan diterima Allah. Selain ikhlas kita perlu memiliki dua syarat lagi, iaitu hati yang penuh rasa cinta dan mengharap kepada Allah, juga perasaan rendah diri kepadaNya yang dipersembahkan ibadat itu.

Firman Allah SWT yang bermaksud, “ Kami limpahkan pelbagai ihsan kepada rasul-rasul itu ialah kerana sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada kami dengan penuh harapan serta gerun takut dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada Kami.” – surah al Anbiya’: 90.

Menurut Aisyah R.A, beliau bertanya Rasulullah SAW mengenai seorang

lelaki pada zaman jahilliah bernama Ibnu Jud’an. Beliau seorang yang suka menjalinkan ikatan silaturahim dengan ramai orang dan suka mendedahkan makanan kepada fakir miskin. Adakah dia mendapat sebarang pahala? Rasulullah SAW menjawab bahawa perbuatan itu tidak mendapat sebarang manfaat kerana dia tidak beriman kepada Allah SWT dan hari kiamat. Dia juga tidak

**...mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada kami...**

melakukan amalannya yang disyariatkan untuk mendapat rahmat dan kasih sayangNya. Maka bagaimana Allah mahu menerima ibadatnya.

Dalam melaksanakan ibadat, seseorang hamba mestilah ada rasa takut dan mengharap rahmat Allah. Takut

dengan azab Allah dan bimbang andai ibadat yang dilakukan tidak diterima. Berbekalkan keimanan, ketakwaan dan keikhlasan mudah-mudahan segala amal ibadat kita diterima dan kehidupan kita sentiasa dirahmati dan dalam redhaNya.







Selain keupayaan dalam menjalankan operasi-operasi maritim sehingga ke peringkat antarabangsa, TLDM turut sentiasa berusaha meningkatkan imej di mata dunia melalui pelbagai bidang, termasuk sukan. Samudera kali ini memOH sebuah persatuan sukan yang telah membuktikan kemampuannya dalam menobatkan TLDM seiring pasukan bertaraf dunia.

# PASUKAN LUMBA BASIKAL TLDM LAHIRKAN ATLET BERTARAF DUNIA

**T**entera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) telah menubuhkan satu pasukan lumba basikal yang dikenali sebagai Pasukan Lumba Basikal TLDM pada era 80an. Kini persatuan telah melantik Kdr Ismail bin Othman TLDM untuk memegang jawatan pengerusi manakala Lt Kdr Ahmad Hezri bin Ab Majid TLDM menyandang tugas sebagai setiausaha pasukan. BK JJM Mohd Nasir bin Bahrin merupakan Ketua Jurulatih dan BM JJM Salmiza bin Salleh bertanggungjawab menjadi jurulatih pasukan ini.

Sejak penubuhannya pelbagai pencapaian telah dicipta di arena pentas dunia seperti Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Olimpik 2012. LK I Mohd Zamri bin Salleh layak berentap dalam kategori *Road Bike* di peringkat Olimpik sementara LK I Mohd Ridzuan bin Zainal menjadi pelumba nombor satu Malaysia bagi kategori *Mountain Bike*. Kedua-dua

pelumba ini telah mengharumkan nama negara dan TLDM dalam perlumbaan berprestij *Le Tour de Langkawi*.

Kelab ini ditubuhkan bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan di kalangan anggota selain dapat menjulang nama TLDM dengan mencipta kejayaan demi kejayaan. Penubuhan pasukan ini juga dapat mencungkil bakat dalam sukan berbasikal dikalangan anggota dan melahirkan atlet bertaraf dunia serta dapat mengamalkan gaya hidup yang sihat. Semoga penubuhan Pasukan Lumba Basikal TLDM ini mendapat sokongan penuh oleh The Navy People khususnya.

Ke Arah Kecemerlangan Sukan TLDM



LK I Mohd Zamri melakar nama di Sukan Olimpik sekaligus membawa nama TLDM ke persada dunia.



Pengerusi Pasukan Lumba Basikal, Kdr Ismail (empat dari kanan) dan Setiausaha, Lt Kdr Ahmad Hezri TLDM (lima dari kanan) bergambar bersama barisan pelumba.



Antara aksi dua pelumba Pasukan Lumba Basikal TLDM dalam kejohanan yang disertai.



Pelumba mendengar taklimat akhir sebelum dilepaskan.



# KD DUYONG

## PASUKAN SELAM ELIT

**S**ejarah penubuhan Pasukan Penyelam TLDM bermula pada 1965 dikenali sebagai Pasukan Selam Armada yang terletak di Woodlands, Singapura. Seterusnya, pada 1977, Sekolah Latihan Menyelam ditubuhkan di bawah pentadbiran KD PELANDOK di Lumut, Perak. Pusat Selam TLDM secara rasmi telah ditubuhkan pada 15 Sep 1998 dan seterusnya ditauliahkan sebagai KD DUYONG pada 5 Mei 2005. Terletak di Pangkalan TLDM Lumut, kini KD DUYONG juga menjadi Pusat Peperangan Periak Api seiring dengan keupayaan unit terkini.

Penyelam TLDM merupakan salah satu cawangan kepakaran elit di dalam TLDM. Pegawai dan askar-laskar Penyelam TLDM dilatih khusus untuk melaksanakan tugas-tugas penyelaman yang berisiko tinggi dan di luar kemampuan anggota biasa TLDM. Sebagai pegawai dan askar-laskar Penyelam TLDM, mereka berperanan untuk melaksanakan tugas operasi selaman seperti Operasi Selaman Dalam dan Salvaj (deep diving and salvage), Operasi Selaman Mengesan dan Memusnahkan Periak Api (Shallow Water Mine Counter Measures), operasi khas untuk menyokong Pasukan Anti Perampasan Maritim dalam Pemusnahan Ordnan Letupan (EOD) dan

selaman bantuan ke atas kapal-kapal serta pangkalan.

Semua Penyelam TLDM mesti mempunyai sifat cekap, cergas, cerdas dan bekerja sebagai satu pasukan. Terdapat dua elemen latihan penting iaitu dari segi fizikal dan kemahiran. Mereka dikehendaki bersedia dalam masa yang singkat setiap kali operasi menyelam hendak dilakukan. Untuk makluman, Penyelam TLDM layak untuk menggunakan semua jenis peralatan selam perkhidmatan dan tiada had kedalaman yang ditetapkan.

Untuk mendokong tugas seperti yang dinyatakan di atas, pegawai dan askar-laskar TLDM yang telah menjadi Penyelam TLDM mesti senantiasa memiliki tahap pencapaian fizikal yang baik, mempunyai daya ketahanan diri yang tinggi serta daya ketahanan mental yang luar biasa. Latihan yang berterusan membolehkan Penyelam TLDM melakukan perkara berikut:

- Berlari 5.8 km dalam masa tidak melebihi 30 minit
- Bangkit tubi 40 kali seminit
- Tekan tubi 40 kali seminit
- Mendagu 10 kali
- Berenang bebas sejauh 800 meter tidak melebihi 20 minit
- Berapung di permukaan air selama lima minit tanpa bantuan alat-alat pengapungan
- Memakai dan membuka pakaian senyawa
- Memanjat tali setinggi 10 meter
- Terjun dari ketinggian 10 meter

*Underwater Welding antara kepakaran penyelam TLDM.*

Selain itu, Penyelam TLDM juga perlu melakukan latihan larian ulang alik 20 meter Beep Test sama atau melebihi Level 11.1, berenang menggunakan Fin sejauh 400 meter tidak melebihi lapan minit 30 saat. Kadangkalanya larian jauh iaitu Gate To Gate (KD DUYONG – Pintu Gerbang Harimau 1 – Lumut — Pintu Gerbang Harimau 3KD DUYONG) sejauh 12km dilakukan. Untuk latihan renangan jauh, penyelam TLDM akan berlari terlebih dahulu dari KD DUYONG ke jeti Lumut seterusnya berenang balik dari sana ke slipway KD DUYONG sejauh 2km.

Untuk memantapkan lagi pengetahuan dan keyakinan diri dalam melakukan operasi sebenar, latihan demi latihan dilakukan mengikut tim. KD DUYONG mempunyai empat tim khusus iaitu Tim 1 – menyelam dalam dan salvaj, Tim 2 – mengesan dan memusnahkan perik api, Tim 3 – unit pemusnah bom dan Tim 4 – selaman bantuan ke atas kapal-kapal serta pangkalan. Antara latihan yang dikendalikan oleh Tim 1 adalah Pengendalian Lifting Bag, Selaman Altitud,

Prosedur Menyelam Dalam, Penyesuaian Peralatan (Superlite MK 17, KM Bandmask, XO Mask) serta Prosedur & Pengendalian Transfer Under Pressure (TUP). Untuk Tim 2 pula latihan adalah seperti Pengenalan & Pengendalian Mine Detector, Pemasangan & Pengoperasian Side Scan Sonar, Jackstay Swim with 2 Alpa dan MCM Diving. Antara latihan yang dilakukan oleh Tim 3 ialah Pengendalian Mk2D ROV, Pengenalan & Pengendalian Hook & Line, Pengenalan & Pengoperasian Demolition Kit, Prosedur IEDD (Disruptor), Pengendalian Peralatan EOD/IED, Penggunaan Bomb Suit & peralatan sokongan. Akhir sekali latihan Tim 4 adalah seperti Pengendalian RHIB, Underwater Welding & Cutting, Penerangan Tatacara Penukaran Bebalung Kapal, Pengenalan dan pengoperasian Hydraulic Power Pack.

Bagi memastikan penyelam TLDM mampu melaksanakan operasi ataupun tugas penyelaman, latihan berterusan dilakukan agar mereka sentiasa berada dalam keadaan bersedia dan cergas. Di samping itu, mereka juga dihantar menyertai eksesais intra TLDM, bilateral mahupun multilateral bagi memberi peluang kepada mereka untuk berkomunikasi dan bertukar-tukar kemahiran serta idea dengan peserta lain untuk diadaptasi dalam TLDM. Antara eksesais yang pernah disertai adalah BERSAMA LIMA (FPDA), Western Pasific MCM/DIVEX, CARAT bersama TDM, JERUNG MAS bersama PASKAL, KERISMAS dan KAKADU.

Dengan kemasukkan Kapal Selam di dalam armada TLDM, Deep Diving merupakan cabang selaman yang

ditumpukan pada masa kini. Pasukan Search and Rescue (SAR) dari kalangan penyelam adalah perlu bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Di samping itu, peralatan menyelam yang terkini dan moden sangat diperlukan bagi memastikan kerja menyelam dalam dapat dilakukan dengan licin dan sempurna.

Secara keseluruhan, latihan yang diimplimentasikan adalah mengikut piawai yang telah ditetapkan. Beberapa pembaharuan adalah perlu, merangkumi pemilikan peralatan terkini dan moden serta silibus pembelajaran yang efektif sesuai dengan arus modenisasi pada masa kini.



Salah satu dari latihan yang dibuat oleh Pasukan Penyelam.



Barisan peneraju Pasukan Selam pada era awal panubuhannya.



# SIMULASI PENERBANGAN -teknologi peringkat kecekapan juruterbang

**bahagian 1**

Full Flight Simulator (FFS) lebih banyak dipraktikkan dalam penerbangan awam.

**S**imulator penerbangan atau dikenali sebagai *flight simulator* di dalam bahasa Inggeris merupakan salah satu aset latihan yang penting dan dilihat telah menjadi satu aset mandatori bagi sesetengah institusi penerbangan pada masa ini. Kepentingan serta kelebihan yang telah dibuktikan oleh simulator penerbangan ini telah membuatkan syarikat-syarikat pembuatan simulator penerbangan berlumba-lumba untuk membanjirkan aset latihan ini.

Pembangunan simulator penerbangan ini bermula semenjak Perang Dunia Kedua lagi. Pada masa itu, simulator dibangunkan dari seksyen hadapan pesawat sahaja dan lebih menitikberatkan kepada kemahiran juruterbang di dalam melaksanakan penembakan semasa pertempuran jarak dekat. Selain itu, *mock-up* untuk pesawat pengebom jarak jauh juga giat dilaksanakan dan menitikberatkan *crew resource management* (CRM) di antara krew udara iaitu juruterbang, jurumalim dan juga *gunner*. Simulator penerbangan pada masa kini diklasifikasikan bergantung kepada peranan dan juga keupayaan simulator tersebut. Rekaan terdiri

dari *PC laptop-based model* yang dikenali sebagai *Part Task Trainers* (PTT) sehinggalah ke tahap simulator yang lebih canggih dan berkeupayaan lebih baik yang dikenali sebagai *Full Flight Simulator* (FFS) di dalam dunia penerbangan awam dan *Full Mission Simulator* (FMS) bagi dunia penerbangan tentera. Kedua-dua simulator FFS dan FMS ini diperiksa dan perlu memperoleh kelulusan dari FAA (Federation Aviation Administration) di Amerika Syarikat atau EASA (Europe Aviation Safety Agency) di Eropah.

MARKAS UDARA TLDM MASA KINI

## PENDAHULUAN

Cawangan Udara TLDM (CUT) telah mengalami perkembangan yang pesat ekoran perolehan helikopter SUPER LYNX MK 100 dan FENNEC AS 555N secara berperingkat bermula dari tahun 2003. Berdasarkan kemampuan dan keupayaan helikopter tempur yang moden, ianya bukan sahaja berupaya bertindak sebagai elemen utiliti, bahkan mampu berperanan sebagai force multiplier

kepada Armada TLDM. Keupayaan yang diperolehi adalah setanding dengan tentera laut negara maju dan kemampuan tempurnya amat digeruni oleh tentera laut negara lain di rantau Asia.

## SKUADRON 501

SUPER LYNX Mk 100 merupakan helikopter maritim pelbagai guna yang terkini dan tercanggih di dalam kelas *Light Airborne Multi-Purpose System* (LAMPS). Helikopter ini dilengkapi dengan peralatan-peralatan moden seperti radar SEA SPRAY, peralatan ESM SKY GUARDIAN, sistem *Forward Looking Infra Red* (FLIR) dan juga sistem navigasi bersepadu. Paparan avionik pula berkonsepkan *glass cockpit instrument* bertujuan memberikan keselesaan dan meningkatkan tahap *situational awareness* krew penerbangan. Pemanduan helikopter menjadi lebih mudah dengan paparan yang canggih berbanding paparan avionik konvensional.

Pesawat ini juga dilengkapi dengan kemudahan simulasi *One Engine Inoperative* (OEI). Kemudahan ini

diadakan dengan tujuan membolehkan pemeriksaan rutin tahap operasi enjin dilakukan semasa penerbangan dan pembelajaran kepada krew udara semasa mengendalikan situasi kecemasan pesawat. Walaubagaimanapun, kemudahan ini tidak mencukupi untuk krew udara melakukan tindakan kecemasan secara menyeluruh apabila sesuatu kecemasan itu berlaku semasa penerbangan.

Bagi modal insan pula, juruterbang dan TACCO mula menjalani latihan simulator di Yeovilton, United Kingdom sejak tahun 2004 lagi. Simulator ini adalah berdasarkan *mock-up* pesawat Lynx Mk 8 yang digunakan oleh Royal Navy. Simulator ini yang dikategorikan di dalam kelas FMS merupakan simulator yang mampu memberi simulasi penerbangan yang hampir sama dengan helikopter sebenar. Simulator ini dilengkapi dengan sistem komputer dan hidraulik di mana ia dapat bergerak dan memberi respon terhadap tindakan pemanduan yang dilakukan oleh juruterbang.

Simulator ini juga berupaya membuat simulasi kerosakan dan kecemasan seperti kegagalan sistem hidraulik, *main rotor gearbox* serta kegagalan sistem kawalan penerbangan yang lain. Latihan simulasi kerosakan dan kecemasan ini tidak mungkin dapat dilakukan dengan helikopter sebenar kerana ia mungkin menyebabkan



Sistem simulator yang digunakan ketika ini lebih menitikberatkan kemahiran juruterbang melaksanakan penembakan jarak dekat.

helikopter mengalami kerosakan dan terhempas. Walaubagaimanapun, kali terakhir latihan penting ini dapat dijalani oleh krew udara Super Lynx TLDM adalah pada tahun 2008.

## SKUADRON 502

Pesawat FENNEC AS 555N merupakan helikopter latihan yang mula diterima bermula dari tahun 2005. Juruterbang pesawat ini telah dilatih di HELISIM, Perancis bagi tatacara penerbangan asas NVG. Pakej latihan ini adalah sebahagian daripada kontrak pembelian helikopter FENNEC. Pada masa itu, unit ini merupakan satu-satunya unit udara di Malaysia yang mempunyai keupayaan

terbang malam menggunakan night vision google dan keupayaan unit ini diperakui semasa operasi mencari helikopter nuri yang terhempas di Genting Sempah pada tahun 2007

Sehingga kini, unit masih lagi menghantar juruterbang dan pembantu juruterbang ke simulator AS 355N milik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) yang dibangunkan oleh Syarikat Ikramatic Sendirian Berhad yang berpangkalan di Pangkalan Udara PDRM, Kuala Lumpur. Simulator milik PDRM ini dikelaskan di dalam FSS dan berupaya memberikan simulasi penerbangan, kerosakan dan juga kecemasan setaraf dengan simulator yang dibangunkan oleh negara Eropah.



Seorang juruterbang TLDM ketika menjalani latihan Full Mission Simulator (FMS).

# SELAGI ADA WAKTU... KALAU LAH

Oleh: Aboy

"Kringgggggggggg.....!!!!" Faizal mengeluh. Mata sepetnya mengintai jarum jam. Tepat pukul 5 pagi. Uhhhhhh...malasnya.

Deringan jam loceng yang memekakkan telinganya sebentar tadi cepat-cepat dimatikan. Selimut ditarik semula. Kali ini menutupi kepalanya yang berambut ala Ronaldo.

"Woi! Pejal!!!!...Kau tak kerja ke?" Laungan Farid menerobos masuk ke cuping telinga Faizal yang masih bergulung di atas katil.

Kacau betul la, dengusnya dalam hati. Dengan terpisat-pisat, Faizal mencapai jam loceng di atas meja. Hah????!!!!...Alamak!! Dah pukul 7.10! Sempat ke ni??? Alamak...alamak...biru muka Faizal melawan gelabah.

Faizal berlari ke bilik air. Mandi lebih kurang, terus disarung uniform Alfanya yang berkedut seribu. Ahhh... Lantak situ. Janji aku sempat sampai ke pejabat. Kalau tidak, bernanah la telinga kena leter dek PO Siti karang. Ahhh...perempuan tua tu memang suka memebel, ngomelnya sambil mencapai kunci motor.

Tiba di pintu pagar Markasnya, Faizal ditahan. "Kenapa lambat?" Tanya pengawal. "Aikkk...lambat ke?...Chief tadi tu lepas je, kenapa saya kena tahan pulak?" Tanya Faizal tak puas hati. "Kamu tu Laskar Kelas 1, *expired* jam 7.30. Sekarang dah pukul 7.40," jelas si pengawal. Faizal membungkam apabila namanya dicatat.

Aduiiii...*boring* betul. Baru hari ni nak masuk pejabat dah kena macam-macam...Faizal mendengus.

Tiba di pejabat, Faizal terus mencapai borang cuti. "Hah!..Itu la dia...abis sukan, cuti. Abis cuti, *weekend* pulak. Bila nak kerja??" Faizal tersentak apabila PO Siti menarik borang yang baru hendak diisi. Faizal cepat-cepat merampas borang di tangan PO Siti.

"Ala...PO ni kecoh la. Kan saya ni atlit. Takkan PO tak tau. *tournament* dah abis, masa ni la saya nak cuti... rehat-rehat," Faizal menjawab sambil jarinya terus menari-nari mengisi ruang yang masih kosong.

"Atlit pun tak sampai ke mana. Dah dua tahun dok macam tu jugak, tak meningkat langsung," PO Siti menyindir tajam.

"PO apa tau? Macam katak bawah tempurung je duduk kat pejabat ni. Saya lain la, busuk-busuk pun dapat jugak pergi makan angin," cebik Faizal dengan bangganya.

"Hmmm...saya nak ingatkan awak Faizal, dah dua kali *coach* awak telefon tanyakan awak. Ohhh...pandai, bila tak pergi latihan awak cakap banyak kerja kat pejabat. Kat pejabat awak tunjuk signal sukan. Awak gunakan signal tu untuk mem'beli' kan?" PO Siti membongkar tembelang Faizal satu persatu.






YBhg Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar menyampaikan ucapan aluan sempena keberangkatan Kepten Yang Dipertua TLDM.



# NIKMAT KEBERKATAN RAMADHAN BERSAMA TUANKU

**B**ersempena bulan Ramadhan 1434H, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah berkenan mencemar duli berbuka puasa bersama warga TLDM di perkarangan Masjid An-Nur Pangkalan TLDM Lumut pada 20 Julai 2013 jam 1915H. Keberangkatan tiba DYMM Sultan Selangor telah disambut oleh Menteri Besar Perak Y.B Dato' Seri Diraja Dr Zambry bin Hj Abdul Kadir, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar Panglima-panglima serta warga TLDM di Pangkalan ini. Selaku Kepten Yang Dipertua TLDM, D.Y.M.M Sultan

Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj sentiasa mengambil berat tentang perkembangan dan keadaan semasa yang berlaku di dalam TLDM. Adalah menjadi kelaziman Baginda mencemar duli berbuka puasa bersama Warga TLDM setiap kali bulan Ramadhan. Sebelum berbuka puasa, Panglima Tentera Laut telah menjunjung kasih dan menyampaikan ucapan aluan sempena keberangkatan DYMM Sultan mencemar Duli berbuka bersama Warga TLDM. Di dalam petikan ucapan Panglima Tentera Laut, beliau menyentuh sedikit berkenaan peranan TLDM yang semakin meluas dan



Mentunaikan solat secara berjemaah di Masjid An-Nur Pangkalan TLDM



“Apa PO cakap ni? Jangan tuduh-tuduh la...” Faizal terkejut.

“Bukan saya tak tau Faizal, sengaja saya bagi awak peluang untuk berubah. Tapi saya tengok awak makin melampau. Tengok pagi ni, dah la datang lambat, pakaian berserabut macam orang jual ikan. Tau-tau datang pejabat nak isi borang cuti, borang *weekend*,” PO Siti geram. Mana tidaknya, dah la Faizal tak masuk *duty*, kerja pejabat langsung tak jenguk, lagak macam dah lama servis.

“Satu lagi, saya dengar awak ni banyak masalah. Tak reti nak hormat orang. Kat tempat latihan awak buat sambil lewa, suka hati nak datang pukul berapa. Bila ditegur, melawan.

“Cuba awak fikir Faizal, awak servis baru 4 tahun, panjang lagi masa awak,” PO Siti menarik kerusi di hadapan Faizal.

Faizal terdiam. Tangannya memainkan pen *faber castell* di atas meja. Fikirannya tidak menentu. Sekejap-sekejap dia teringatkan sukan yang sudah dibeberai sejak 2 tahun dulu. Memang, dia tak minat langsung main sukan sebenarnya. Sengaja ikut-ikut kawan, sebab tu tiada peningkatan, disiplin *out*. Apa tidaknya, datang ikut suka, kadang-kadang tak datang langsung. Masa latihan pula main-main, tak pernah serius.

Tapi fikirnya, bila pergi bersukan, dia tak perlu susah-susah nak pakai uniform datang ke pejabat, tak perlu sakit kepala nak fikir pasal kerja, *duty* serta segala mak nenek yang buat tempurung kepalanya retak menunggu belah...dan yang paling penting, dia boleh ‘tuang’...ha.. ha..ha...!

“Hey!...awak dengar tak?” Terkejut Faizal bila disergah PO Siti.

“Saya bukan marah Faizal, cuma mengingatkan awak. Macam mana saya nak sokong awak naik pangkat kalau awak terus macam ni. Kalau awak rasa tak mampu nak main sukan, lebih baik beri tumpuan pada kerja di pejabat.

“Lagipun bukan selamanya awak duduk kat *base*, sampai masa awak kena naik kapal, susah nanti kalau awak tak tau nak buat kerja,” PO Siti terus menasihatkan Faizal.

“Ahhhh!! Ada saya kisah? Saya atlit, banyak keistimewaan. Saya masuk *navy* pun sebab sukan, so, PO tak perlu sibuk-sibuk nak jaga periuk nasi saya!..” Faizal tiba-tiba membentak sambil meninggalkan PO Siti terpinga-pinga.

Keesokannya Faizal tiada di pejabat. Lesap entah ke mana. Di Kompleks Sukan kelibatnya juga tidak kelihatan.

**Di pekan Ayer Tawar.**

“Tarik perlahan-lahan. Kulit kaki dia melekat dekat ekzos tu,” sayup-sayup suara itu berlumba-lumba masuk ke telinga Faizal yang sedang menyeringai kesakitan sambil memegang bahu kanannya yang terkulai. Darah pekat membasahi t-shirt sukannya yang rabak diheret Perodua Kembara sebentar tadi.

“Angkat mayat tu, bawa ke tepi...cepattt!” Mata Faizal terpaku ke arah sekujur tubuh yang hanya tinggal jasad.

Faizal terkedu. Wajah Nadia yang berlumuran darah dengan koyakan lebar di kepala benar-benar membuat hati Faizal remuk. Nadia!!!!...Faizal menjerit di dalam hati.

Serta-merta Faizal teringat. Pagi itu dia memang buat gila. Sepatutnya dia perlu menghadiri latihan untuk kejohanan *interservice*. Tapi dia ada *date* dengan Nadia, gadis manis bertubuh langsing itu. Padanya Nadia lebih penting.

Sehari sebelum itu Nadia sudah merengek-rengok minta dibelikan *dress* putih ala-ala kaftan, ada *annual dinner* katanya. Faizal tidak fikir panjang, hati Nadia mesti dijaga. Kalau tidak, awak cun yang menjadi rebutan ramai itu akan lari. Melepasss....Faizal telan air liur.

Saat itu bagai melintas-lintas bayangan Nadia yang tersenyum tergedik-gedik apabila keinginannya dipenuhi Faizal. Suka benar dia. Faizal apatah lagi, kembang kuncup hidungnya apabila diangkat sebagai ‘raja’ di hati gadis genit itu.

Keseronokan mereka tidak habis di situ. Faizal memecut YAMAHA FZ 150inya sambil bergurau-senda dengan Nadia tanpa menghiraukan keadaan jalanraya yang agak sesak ketika itu. Tiba-tiba.....

“Encik, maafkan kami. Kawan encik parah dan tidak dapat diselamatkan.” Suara pemuda itu mematikan lamunan Faizal sebentar tadi. Dia bungkam. Bagaimana dia hendak berdepan dengan keluarga Nadia nanti? Bagaimana pula kehidupannya selepas ini? Dia akan cacat. Cacat seumur hidup! Arghhhhh!!!!!!!

Faizal pening. Pandangannya berbalam-balam. Fikirannya berkecamuk. Saat itu baru dia tersedar.

“Ya Allah! Apa aku dah buat ni?...” Faizal menyesal. Perlahan-lahan dilorot kaki seluarnya yang melekat cebisan daging betis. Saat itu penyesalan mengatasi keperitan luka yang menjadikannya hilang upaya seumur hidup. Namun semuanya sudah terlambat. Kalaulah.....







BUDAYA KECEMERLANGAN

# HARI MULIA

## Kemeriahan Aidilfitri bersama TLDM

**S**ambutan Hari Raya Aidilfitri merupakan hari yang amat dinantikan oleh seluruh umat Islam di serata dunia. Hari yang mulia ini diraikan bersama keluarga, sanak saudara dan sahabat handai. Bagi meraikan hari yang mulia ini, Tentera Laut Diraja Malaysia telah menganjurkan sebuah majlis rumah terbuka khas aidilfitri di KD SRI GOMBAK. Selain warga TLDM, majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan isteri Datin Sri Marsilla Tengku Abdullah.

Majlis yang bermula seawal jam 10 pagi dan berakhir kira-kira jam 5 petang itu menyaksikan lebih 10 ribu tetamu, terdiri daripada the Navy People hadir bersama ahli keluarga masing-masing. Lebih menarik, sebanyak lapan buah bas yang membawa tetamu dari negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Pulau Pinang terdiri daripada pesara-pesara TLDM bersama keluarga masing-masing tiba di KD SRI GOMBAK sekitar jam 12 tengah hari. Kegembiraan yang dirasakan dalam sambutan kali ini turut dikongsi bersama mantan-mantan pucuk pimpinan tertinggi TLDM yang turut hadir memeriahkan sambutan setahun sekali itu.

Turut menyerikan majlis, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan,



Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin bersama Isteri, Datin Marsilla beramah mesra dengan tetamu yang hadir.

YB Dato' Sri Dr Hj Ismail Hj Ahmad dan isteri, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin dan isteri, serta Puan Sri Sarah Ab Ghafar. Sementara Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin Ali bersama isteri, YBhg Datin Seri Sabariah Abdul Hamid menjadi hos mewakili Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar yang kini berkursus di Amerika Syarikat.

Pentas utama telah menghangatkan lagi suasana dengan pelbagai acara yang

telah diatur. Persembahan kumpulan Quintet TLDM yang memukau dengan rangkaian lagu raya menyemarakkan lagi mood raya para pengunjung diiringi Artis Tari dari Badan Kesenian TLDM. Pertandingan kuiz yang menawarkan hadiah berupa duit raya yang sangat menyeronokkan membuatkan para pengunjung tidak senang duduk. Suasana majlis menjadi semakin gamat apabila Lt Muhammad Fathullah Idris TLDM muncui dengan pertunjukan silap mata yang sangat mengkagumkan semua tetamu, terutamanya kanak-kanak.

Apa yang lebih istimewa, buat julung kalinya menyajikan menu utama sambutan kali ini nasi daging yang dimasak sendiri oleh Pegawai Memerintah KD SRI GOMBAK, Kdr Mohd Zolkefeli Abd Rahman TLDM. Selain itu, terdapat 15 aneka gerai yang menyajikan pelbagai juadah enak dan istimewa telah disediakan untuk para tetamu. Antara menu menarik yang disediakan termasuklah lemang, ketupat, sup tulang serta pelbagai variasi kuih raya. Sementara itu, pihak Indocafe telah berbesar hati memberikan minuman keluaran syarikat secara percuma kepada tetamu.

Sebelum itu, persiapan majlis telah bermula sejak Jumaat di mana aktiviti menyembelih dan melapah lembu menjadi acara pembukaan bagi persiapan majlis sementara anggota-



Antara barisan veteran yang hadir memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri TLDM 2013.

mencabar pada masa kini sekaligus memerlukan peningkatan keupayaan armada seiring dengan angkatan-angkatan laut serantau dan juga antarabangsa. Didalam memastikan peningkatan keupayaan armada TLDM, penubuhan Markas Angkatan Kapal Selam di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu yang dilengkapi dengan dua buah kapal selam jenis scorpene iaitu KD TUNKU ABDUL RAHMAN dan KD TUN RAZAK telah dilaksanakan. Selain itu TLDM turut memperolehi dua buah kapal latihan iaitu GAGAH SAMUDERA dan TEGUH SAMUDERA. Kemasukan kedua-dua kapal latihan ini akan mempertingkatkan lagi keupayaan armada TLDM di samping menyediakan platform latihan kemahiran di kapal bagi anggota TLDM. Sejurus selepas berbuka puasa, Baginda Sultan kemudiannya menunaikan solat Maghrib secara berjemaah bersama warga TLDM, yang dipimpin oleh Lt Kol Ku Ibrahim Najib bin Ku Mohamad, Ketua Pentadbiran Bahagian Agama Islam TLDM. Majlis Santapan bersama warga TLDM diadakan sejurus selesai Solat Maghrib. Baginda Sultan, berangkat meninggalkan Masjid An-Nur selesai Solat Isyak dan Tarawikh secara berjemaah.



Kepten Yang Dipertua TLDM, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah bersalam dengan rakyat sebelum meninggalkan majlis.

Sebelum meninggalkan majlis, Baginda berkenan bersantap dengan warga TLDM dalam jamuan moreh dan bersalaman serta beramah-mesra bersama warga TLDM. Sesungguhnya, keberangkatan DYMM Sultan ke majlis ini melambangkan keprihatinan Baginda terhadap warga TLDM. Majlis

Berbuka Puasa ini telah memberi impak besar terhadap penerapan dan amalan nilai kerohanian yang tinggi terhadap warga TLDM di dalam mendokong tugas sebagai anggota keselamatan yang mempertahankan maritim negara daripada ancaman musuh. Majlis ini telah dihadiri lebih 1,500 warga TLDM.



Kepten Yang Dipertua TLDM, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah mencemar duli berbuka puasa bersama Warga TLDM.

# Naval Terms

## Brightwork

Brightwork originally referred to polished metal objects, and bright woodwork to wood which was kept scraped and scrubbed, especially topside. Bright it should be and work it is.

*Old World Comrade Company*

1840-1841

## Coxswain

A coxswain or cockswain was at first the swain (boy servant) in charge of the small cock or cockboat that was kept aboard for the ship's captain and which was used to row him to and from the ship. The term has been in use in England dating back to at least 1463. With the passing of time the coxswain became the helmsman of any boat, regardless of size.

## Dogwatch

A dogwatch at sea is the period between 4 and 6 p.m., the first dogwatch, or the period between 6 and 8 p.m., the second dog watch. The watches aboard ships are:

Noon to 4:00 p.m. Afternoon watch  
 4:00 p.m. to 6:00 p.m. First dogwatch  
 6:00 p.m. to 8:00 p.m. Second dogwatch  
 8:00 p.m. to midnight 1st night watch  
 Midnight to 4:00 a.m. Middle watch or mid watch  
 4:00 to 8:00 a.m. Morning watch  
 8:00 a.m. to noon Forenoon watch

The dogwatches are only two hours each so the same Sailors aren't always on duty at the same time each afternoon. Some experts say dogwatch is a corruption of dodge watch and others associate dogwatch with the fitful sleep of Sailors called dog sleep, because it is a stressful watch. But no one really knows the origin of this term, which was in use at least back to 1700.

## Down the hatch

Here's a drinking expression that seems to have its origins in sea freight, where cargoes are lowered into the hatch. First used by seamen, it has only been traced back to the turn of the century.

# DISAMBUT BERSAMA

anggota yang lain bertungkus-lumus menyediakan bahan-bahan masakan serta membuat persediaan majlis dengan rapi. Seperti yang sedia maklum, nasi daging merupakan menu utama majlis kali ini yang menggunakan daging segar tersebut pastinya menjanjikan rasa yang enak.

Simboliknya, majlis rumah terbuka seumpama ini menjadi medan pertemuan yang paling signifikansi untuk memperkukuhkan hubungan kekeluargaan dan silaturahim selain menjadi platform bagi mengeratkan tali persaudaraan dan menjalin ikatan perpaduan kea rah hubungan yang lebih kukuh dan dinamik.

Penganjuran rumah terbuka kali ini benar-benar meninggalkan impak yang penuh dramatik di kalangan tetamu yang hadir lebih-lebih lagi apabila dapat bertemu semula dengan rakan-rakan seperjuangan yang telah lama terpisah. Realitinya, majlis seperti ini menyimpulkan momen yang amat bermakna untuk dikenang oleh para tetamu yang hadir.



Timbalan Panglima Tentera Laut memotong kek hari jadi bersama-sama tetamu yang lahir pada bulan Ogos.



Meriah... Sambutan Hari Raya Aidilfitri TLDM 2013 di KD SRI GOMBAK



AJK Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2013 bergambar bersama Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin Ali dan isteri YBhg Datin Seri Sabariah.



**PERNAMA**  
PERWIRA NIAGA MALAYSIA

# PERNAMA SENTIASA BERSAMA ANDA!

Pusat Bowling Sekeluarga



Perkhidmatan Bank




Anjung Selera Mutiara



Kompleks Mutiara Armada  
Pangkalan TLDM, Lumut, Perak

Pasaraya ARMADA



Alamat Ibu Pejabat : 6 Solok Waja 1, Bukit Raja 41050 Klang, Selangor  
Tel : 03 33410572 (12 Talian) Faks : 03 33410598

[www.pernama.com](http://www.pernama.com)

# CREATIVE STRATEGIES... INNOVATIVE SOLUTIONS



**Boustead Heavy Industries Corporation Berhad** 11106-V

17th Floor, Menara Boustead, 69, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +603-2078 7770 Fax: +603-2078 7768 [www.bhic.com.my](http://www.bhic.com.my)